

**Jilid I
Bil. 12**



**Hari Rabu
27hb Oktober, 1982**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1351]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1395]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 1396]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang
Pasu)

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S., (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOHKTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAN STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO MOHAMAD BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., J.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO DR. HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATOK DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.I. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAACOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT (Sungei Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lumar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOW KIA *alias* TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
- „ TUAN YEOW POH SAN (Petaling).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 27hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LESEN PUKAT TUNDA
KEPADA NELAYAN

1. **Dato' Lee Kim Sai** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah benar Lesen Pukat Tunda tidak dapat dikeluarkan kepada beribu-ribu nelayan pukat tunda, semamata kerana pertimbangan politik.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen-lesen pukat tunda berasaskan kepada keadaan sumber perikanan yang ada. Selain dari itu, sosio-ekonomi nelayan-nelayan juga dipertimbangkan. Pertimbangan politik tidak boleh digunakan sebagai kriteria pengeluaran lesen kerana tanpa mengambil kira keadaan sumber dan sosio-ekonomi, implikasi buruk akan timbul dan nelayan-nelayan sendiri akan menjadi mangsa. Tidak boleh dinafikan bahawa kemerosotan sumber-sumber perikanan adalah satu masalah besar dan ini berkait dari perkembangan penggunaan pukat tunda.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri beritahu syarat-syarat yang diperlukan untuk memohon lesen pukat tunda.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan itu luar daripada soalan asal.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar lesen pukat tunda dan lain-lain lesen menangkap ikan dibekukan sejak tahun 1981? Jika benar, apakah sebab-sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulangi.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Adakah benar lesen pukat tunda dan lain-lain lesen menangkap ikan dibekukan sejak tahun 1981? Jika benar, apakah sebab-sebabnya?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pembekuan lesen ini sebagaimana yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, yang sebenarnya pihak Kementerian Pertanian sentiasa mengawasi areas ataupun wilayah di seluruh negara. Jikalau didapati sumber sebagaimana yang saya terangkan tadi, sumber dan keadaan tidak begitu baik para nelayan untuk menggunakan pukat-pukat yang tertentu sebagaimana yang disebutkan iaitu pukat tunda, tindakan dan arahan haruslah dibuat oleh pihak Kementerian untuk menjagakan kepentingan para nelayan di negara ini dan membekukan lesen itu adalah mengikut syarat-syarat. Kita tidak membekukan lesen untuk menggunakan pukat oleh para nelayan itu dengan sesuka hati bahkan dengan syarat-syarat yang tertentu.

Dato' Lee Kim Sai: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri Pertanian iaitu lesen pukat tunda diberi mengambil kira timbangan dari segi sumber ikan dan keadaan sosio-ekonomi nelayan. Masalah pukat tunda ditinjau secara kasar dan mengikut nelayan-nelayan yang berkenaan ada lebih kurang 4,000 pukat tunda di seluruh Malaysia ada menjalankan menangkap ikan tanpa izin.

Dan mereka ini sejak tahun 1962, selama 20 tahun telah mengalami kesusahan dari segi sosio-ekonomi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan memberi syarahan ataupun ucapan, diminta membuat pertanyaan.

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah berbunyi, adakah Kementerian akan mengambil pandangan lebih serius dari segi sosio-ekonomi yang dialami oleh nelayan-nelayan sebanyak 4,000 pukot tunda tanpa lesen itu supaya masalah mereka boleh diatasi dengan diberi lesen untuk legalize kedudukannya dan tidak semata-mata untuk cuba mengatasinya dengan tangkapan sahaja.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telahpun saya terangkan tadi iaitu kita membuat penelitian oleh kerana nelayan kita di Malaysia ini bijak cara ia menangkap ikan dan nelayan yang menggunakan pukot tunda ini, nelayan yang saya anggap mampu sedikit. Kalau mereka tidak mampu, ia tidak dapat membeli pukot yang begitu mahal yang memerlukan wang yang banyak. Tetapi ada juga para nelayan yang kita anggap lebih miskin, yang tidak mampu membeli pukot-pukot tunda, hanya bergantung dengan cara penangkapan ikan tradisi sahaja. Jadi, kita mesti mengambil perhatian juga terhadap masalah mereka ini. Jikalau kita biarkan para yang mampu ini menggunakan alat yang begitu moden, para yang tidak mampu kita kasihan juga. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telahpun disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, pihak Kementerian akan mengambil perhatian terhadap apa yang disebutkan olehnya.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Oleh kerana nelayan-nelayan yang berpukot tunda tanpa lesen semuanya ada memulakan pelaburan dalam kegiatan pukot tunda sebagai menyahut seruan pihak Kementerian sendiri dalam tahun enam puluhan supaya menjalankan kegiatan perikanan berpukot tunda dan sekarang pihak Kementerian membekukan pengeluaran lesen-lesen pukot tunda oleh kerana hal-hal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Bolehkah Kementerian tersebut memandangkan perkara ini sebagai satu perkara yang luas, sosio-ekonomi dan bukan satu puak berlawan dengan lain puak, satu masalah di manapun bukan sahaja nelayan-nelayan tradisi perlu dijaga tetapi mereka yang dengan secara ikhlas ada respond kepada seruan pihak Kementerian memulakan industri pukot tunda boleh dibantu dengan pelaburan, bantuan kewangan yang lebih besar daripada Kerajaan untuk menjalankan deep sea fishing yang besar-besaran lebih jauh di lautan dan sehingga masa itu Kementerian membekukan bukan sahaja pengeluaran lesen pukot tunda, membekukan kegiatan-kegiatan untuk kacau-bilau mereka, tangkap mereka, denda mereka supaya satu masalah yang menyeluruh boleh di atasi.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum Yang Berhormat telah menyatakan para pengguna pukot tunda ini sudah mengikut arahan yang telah dibuat oleh Kementerian dalam tahun enam puluhan dahulu. Ketika itu mungkin pukot tunda ini sesuai digunakan dan telahpun diberi syarat yang tertentu dan sebagaimana yang saya terangkan lebih awal tadi bahawa tugas Kementerian ini mengawasi kawasan-kawasan yang digunakan oleh tiap-tiap negeri di seluruh negara kita ini dan kita memberi perhatian yang berat terhadap semua masalah para nelayan bukan sebagaimana yang disoalkan oleh pihak Yang Berhormat itu, kita mengambil berat untuk separuh golongan nelayan, tidak. Kita sentiasa bersikap adil tetapi bagaimanapun, kita semua mengetahui bahawa sumber laut itu jikalau kita tidak menyekat atau mengambil tindakan untuk kontrol ikan-ikan di laut itu apa yang akan menjadi harapan para nelayan kita kemudian hari kelak. Jadi, terpaksa pihak Kementerian ini selalu membuat penelitian dan sentiasa mengawasi semua kawasan-kawasan untuk kepentingan para nelayan semua.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada lesen-lesen pukot tunda yang telah diluluskan tetapi apabila nelayan-nelayan tersebut

hendak memperbaharui lesen mereka pihak Jabatan Perikanan tidak meluluskan lesen itu. Ini telah menimbulkan kerugian kepada nelayan-nelayan kerana alat-alat tangkapan mereka telahpun ada pada masa yang lalu tetapi lesen-lesen mereka tidak diperbaharui.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi kita ada mempunyai syarat dan peraturan mengikut undang-undang perikanan. Mungkin para nelayan yang mempunyai pukot tunda ini sudah menggunakan pukot tunda itu tanpa syarat yang tertentu yang disahkan oleh pihak Kerajaan. Jadi, jikalau begitu tentu sekali pihak Kementerian ini tadi memberi amaran jikalau mereka sentiasa melanggar peraturan ataupun undang-undang perikanan laut di negara ini tentu sekali tidak baik jikalau pihak Kementerian tidak membuat amaran kepada mereka. Mungkin itu satu sebab daripada mereka ini lambat sedikit mendapat pembaharuan lesen oleh kerana mereka ini tidak mengikut undang-undang ataupun tidak mengikut peraturan yang disahkan untuk para nelayan.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Soalan tambahan. Di sini saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pertanian, adakah Kementerian ini sedar bahawa di negara ini banyak pukot-pukot tunda haram termasuk di kawasan saya sendiri ada beratus-ratus pukot tunda haram. Jadi, adakah Kerajaan bercadang memberi lesen-lesen kepada mereka ini supaya disegi Kerajaannya boleh untung daripada bayaran lesen-lesen itu. Kalau kita tidak memberi lesen-lesen ini mereka sampai bila-bila pun akan menjalankan secara haram ini.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita akan ambil perhatian terhadap syor yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah dinyatakan bahawa Kementerian Pertanian membekukan pengeluaran lesen pukot tunda kepada nelayan-nelayan. Jadi, saya ingin tahu sama ada Kementerian Pertanian ingin memperseimbangkan pengeluaran lesen pukot tunda ini antara kaum.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini pun sekarang dalam kajian Kementerian.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri Pertanian adakah benar pukot-pukot tunda ini dibenar menangkap ikan hanya 12 batu daripada laut tetapi malangnya pukot tunda ini menangkap di kawasan yang mengancam nelayan-nelayan kecil yang menangkap di tepi-tepi pantai iaitu nelayan pantai, dan adakah benar bahawa pemilik pukot tunda ini dipunyai oleh taukeh-taukeh yang kaya, mereka ini berkemampuan untuk membeli seberapa banyak pukot tunda. Jadi, dengan sebab itu kemungkinan adakah benar yang Kerajaan menyekat daripada adanya lesen pukot tunda ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan ini tidak berbangkit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan saya yang spesifik oleh kerana beliau ada kata bahawa pengeluaran lesen pukot tunda dibekukan. Soalan saya ialah oleh kerana masalah sosio-ekonomi yang timbul untuk membekukan semua kegiatan-kegiatan kacau-bilau, tangkapan-tangkapan dan lain-lain terhadap orang-orang yang terlibat sehingga perkara ini diteliti, dihabiskan, dibekukan, pengeluaran lesen pukot tunda dibatalkan dan agak berapa lama pihak Kementerian akan ambil untuk menghabiskan, penelitian yang sedang dijalankan sekarang untuk menyelesaikan masalah yang menyeluruh ini.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah sesuka hati menangkap para nelayan yang menggunakan pukot tunda sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu jika mereka betul-betul mengikut peraturan dan syarat oleh kerana dasar Kerajaan kita ialah untuk menolong para nelayan dan rakyat jelata di negara ini. Jadi, siapa sahaja yang mematuhi diri dengan peraturan Kerajaan, kita tidaklah sesuka hati untuk menyiksa mereka tetapi para nelayan yang degil itu padan diberi pengajaran yang sesuai oleh pihak Kerajaan dari segi undang-undang. Jika kita sentiasa membiarkan pihak yang degil itu iaitu pihak tokeh-tokeh yang

sesuka hati pakai pukut tunda, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih tadi, tentulah yang akan menjadi mangsa iaitu para nelayan miskin, para nelayan yang tidak berupaya mendapatkan pukut-pukut yang moden untuk bertanding menangkap ikan dengan para tokeh-tokeh yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan juga pihak Kementerian saya tidaklah begitu senang hati atau berpeluk tubuh terhadap masalah ini, kita berusaha.

Saya minta Ahli Yang Berhormat itu bersabar sedikit dan saya minta kerjasama dari beliau untuk memberikan penjelasan dan keterangan-keterangan yang baik kepada para nelayan supaya mereka juga bersabar dan bila waktunya sampai kelak Ahli Yang Berhormat pun boleh lihatlah (*Ketawa*).

ORANG CACAT— LATIHAN BERDIKARI

2. Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (a) apakah definisi cacat yang digunakan oleh Kementerian;
- (b) berapa ramaikah jumlah orang cacat di negara ini dan jumlah mengikut jenis kecacatan mereka; dan
- (c) apakah jenis latihan-latihan yang telah diberikan kepada mereka supaya mereka boleh berdikari.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawabnya, suka saya nyatakan

- (a) Kementerian Kebajikan Am mentakrifkan "cacat" sebagai:

"Seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan/kebolehan fizikal/mental sama ada ianya berlaku sejak lahir atau kemudian dari itu."

Kumpulan sasaran yang dimaksudkan dengan "orang-orang cacat," mengikut takrif ini ialah mereka yang Cacat Penglihatan, Cacat Anggota, Cacat Pendengaran dan Cacat Akal. Kecacatan boleh berlaku semula jadi atau sejak lahir atau disebabkan kekurangan zat makanan; atau akibat dari berbagai penyakit dan kemalangan.

- (b) Bilangan orang cacat di negara ini dianggarkan seramai 1% dari jumlah penduduk negara ini iaitu lebih kurang 142,000 orang. Ini berdasarkan satu kajian yang dijalankan tidak lama dulu. Walau bagaimanapun, jumlah orang-orang cacat yang berdaftar dengan Kementerian Kebajikan Am sehingga bulan Jun 1982 ialah 22,640 orang dan pecahannya mengikut jenis kecacatan adalah seperti berikut:

Cacat Penglihatan ..	7,928
Cacat Anggota	7,834
Cacat Pendengaran ..	3,643
Cacat Akal	3,235
	<hr/>
Jumlah ..	22,640
	<hr/>

- (c) Kemudahan latihan yang disediakan di pusat-pusat jabatan sama ada yang diselenggarakan oleh pihak kerajaan ataupun oleh badan sukarela ialah latihan sosial dan latihan vokesyenal yang meliputi pertukangan kayu, pertukangan logam, motor mekanik, membaiki radio/talivisyen, membuat alat-alat tiruan dan jahitan. Selain dari itu latihan dalam bidang pertanian dan ternakan juga diberi.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa kemudahan latihan ada diberi kepada orang-orang cacat. Di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan tentang apakah tindakan lanjut yang ada diambil oleh Kementeriannya untuk membantu orang cacat untuk mendapatkan peluang pekerjaan, baik di dalam sektor perkhidmatan awam atau dalam sektor swasta.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menerangkan iaitu setelah mereka yang cacat itu dilatih, pada kebiasaannya Kementerian saya memanglah mencari pekerjaan kepada mereka yang sudah dilatih dan tidak semua pula mereka itu perlu bekerja dengan majikan kerana sebahagian besar daripada latihan itu boleh menjadikan mereka berdikari. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa menghubungi pihak swasta yang boleh menempatkan mereka yang cacat, terutama mereka yang dilatih seperti pekerja-pekerja yang cacat yang buta ditempatkan menjadi typist dan sebagainya. Dalam pada itu, suka saya menerangkan ada kalanya tidak sebegitu mudah bagi Kementerian saya untuk mendapatkan pekerjaan bagi setengah mereka kerana kecacatannya terlalu teruk.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am tadi nampaknya definisi orang cacat ialah seorang yang tidak berkeupayaan, buta, capik dan sebagainya. Di dalam kawasan saya memang banyak orang cacat, tetapi saya dapat faham juga di peringkat daerah pihak Kementerian telah wujudkan sebuah Jawatankuasa Kebajikan Daerah. Apakah peranan Jawatankuasa Kebajikan Daerah itu dengan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dalam membantu orang-orang cacat di dalam kawasan itu?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menerangkan bahawa tidak semua orang-orang cacat itu memerlukan bantuan daripada Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat kerana ada juga orang-orang cacat elok dijaga oleh keluarga mereka. Namun demikian, sekiranya ada orang-orang cacat yang memerlukan bantuan, mereka bolehlah berhubung dengan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat tetapi suka saya menerangkan bahawa Pegawai Kebajikan tidaklah pula mencari orang cacat itu, kalau sekiranya mereka diberitahu ada orang cacat berkehendakkan apa-apa bantuan, rasa saya

tentulah mereka tidak akan lari daripada tanggungjawabnya. Walau bagaimanapun, suka saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu seperti yang saya tegaskan tadi tidaklah pula semua masalah orang cacat itu dapat kita selesaikan, terutama sekali dari segi hendak mendapatkan pekerjaan kerana terhadnya mata pekerjaan yang boleh diberikan kepada mereka.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian berkenaan sedar bahawa untuk menyediakan satu-satu anggota palsu, umpamanya, kaki palsu untuk orang-orang cacat terdapat mengambil masa dua tiga tahun. Berapakah tempat atau makmal membuat anggota palsu dan apakah langkah yang dibuat untuk mempercepatkan menyediakan barang-barang tersebut untuk orang-orang cacat itu?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya alat-alat palsu itu tidak disediakan oleh Kementerian saya, tetapi kita memberikan bantuan untuk membeli alat-alat palsu itu iaitu pada kebiasaannya disediakan oleh hospital. Tetapi saya juga diberitahu ada terdapat sedikit masalah kerana kekurangan orang-orang yang boleh membuat alat-alat tiruan ini dan memang benarlah ada kalanya terpaksa menunggu lama barulah alat-alat tiruan itu dapat dibeli ataupun diperolehi. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya pada masa ini sedang memberikan latihan kepada pekerja-pekerja cacat supaya mereka juga boleh membuat alat-alat tiruan itu. Kejayaannya tentulah pada masa ini terlalu awal untuk dinyatakan.

Dr Koh Tsu Koon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa dari jumlah yang dianggarkan seramai 142,000 orang cacat cuma 22,000 sahaja yang didaftarkan dengan pihak Kementerian. Adakah pihak Kementerian mengambil langkah, misalnya, memberikan garis panduan kepada guru-guru sekolah untuk mengecamkan budak-budak cacat dari awal supaya mereka itu boleh diberi latihan dari peringkat awal.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Jawapannya ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam usaha hendak membantu kebajikan orang-orang cacat ini, adakah pihak Kementerian menggalakkan orang ramai menubuhkan apa-apa kesatuan untuk membantu Kementerian bagi kepentingan orang-orang cacat ini?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, memang ada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang khas bekerja ataupun berusaha untuk membantu orang cacat misalnya Persatuan Orang Buta, Persatuan Orang Pekak, Persatuan Kanak-kanak Mentally Retarded dan berabgai-bagai lagi.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa bantuan-bantuan kewangan tidak diberi kepada orang-orang cacat dan tua yang tinggal bersama saudara-mara atau anak-anak mereka, bantuan kewangan diberi cuma kepada mereka yang tinggal bersendirian. Ada di antara mereka terpaksa tinggal dengan keluarga lain seperti saudara yang jauh sedikit tali hubungannya, kerana kecacatan dan ketuaan mereka. Apakah Kementerian berkenaan bercadang menukar polisi ini supaya orang-orang cacat dan tua umpamanya dan yang dhaif yang duduk dengan keluarga lain juga diberi bantuan kewangan?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menerangkan berkenaan dengan kes-kes seperti ini perlulah disiasat terlebih dahulu, sekiranya mereka yang cacat ataupun yang tua dan dhaif itu memerlukan bantuan dan tinggal dengan keluarga yang miskin, memang bantuan diberi, tetapi tidaklah atas asas-asas dhaif atau atas asas-asas tua, melainkan atas asas-asas miskin.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang

Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa Kuala Lumpur akan dibanjiri dengan orang-orang cacat pada musim-musim tertentu; kalau beliau sedar, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian itu bagi menahan kemasukan orang-orang cacat ini pada musim-musim yang tertentu itu?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa musim-musim yang tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan itu, soalan itu ialah satu hujjah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, adakah beliau sedar bahawa orang-orang cacat ini menggunakan kecacatannya untuk meminta sedekah, kerana pendapatannya minta sedekah itu lebih lumayan daripada bantuan yang diberi oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi apakah langkah supaya mereka ini tidak menggunakan kecacatannya untuk meminta sedekah?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, memang ada orang-orang cacat yang menggunakan kecacatannya untuk hendak meminta sedekah, yang tidak cacat pun bolehlah pula berpura-pura seperti orang cacat. Dalam pada itu Kementerian saya mengharapkan kepada orang ramai dan kepada masyarakat seluruhnya, kalau benar hendak mengambil tindakan yang berkesan iaitu supaya tidak menggalakkan pengemis-pengemis ini mengurangkan memberi sedekah, itu sahaja.

Tuan Saidin bin Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa mereka yang telah diberi latihan kebanyakannya adalah diharapkan mereka dapat berdikari. Jadi pada fahaman saya bermakna mereka menjalankan perusahaan atau perniagaan sendiri dan setakat ini adakah Yang Berhormat Menteri mendapat maklum balas tentang keadaan mereka yang berdikari ini benar-benar sudah mencapai matlamat seperti yang dikehendaki.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, jawapan pada soalan Yang Berhormat itu ialah setengah-setengahnya memang kita dapat maklum balas, tetapi tidak pada keseluruhan kerana sebahagian besar daripada mereka ini diberikan bantuan pelancaran (launching grant) pada peringkat awalnya. Tetapi pada kita pula kalau tidak mengikuti perkembangan kemajuan perniagaan itu sampai lama barangkali kita boleh menyelia selama dua tahun, lepas itu mereka ini akan berdiri di atas kaki sendiri.

PERKHIDMATAN TELEFON— JUMLAH PERMOHONAN

3. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah permohonan telefon yang diterima dari Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Tenom, Lahad Datu, Beuford, Labuan,

<i>Bandar</i>	<i>Jumlah Penunggu Sehingga Ogos, tahun 1982</i>	<i>Mengikut Pecahan Tahun</i>
Kota Kinabalu	7,373	1982—1,286 1981—1,833 1980—1,679 1979—1,127 1978 dan sebelum—1,528
Sandakan	3,977	1982—1,063 1981— 972 1980— 740 1979— 428 1978 dan sebelum— 774

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah jawapan itu terlampau panjang? Jikalau panjang saya akan membenarkan jawapan itu dibuat dengan bertulis.

Datuk Clarence E. Mansul: Mungkin jawapan ini panjang Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau boleh saya memohon supaya jawapan ini diberi kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya benarkan. (Ketawa)

Keningau, Kudat dan Kota Belud bagi tahun 1978, 1979, 1980, 1981 dan hingga Ogos 1982, berapakah pula jumlah permohonan yang masih belum diluluskan dan beri sebab-sebab kelambatan dalam meluluskan permohonan tersebut. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan semua permohonan akan diuruskan dengan cepat dan adakah Kerajaan akan menimbangkan supaya syarikat-syarikat telefon persendirian ditubuhkan jika sekiranya Kerajaan tidak boleh menampung permintaan keperluan telefon, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah permohonan telefon bagi bandar-bandar tersebut untuk tahun-tahun yang dipersoalkan berserta dengan jumlah penunggu perkhidmatan ini sehingga Ogos, 1982 adalah seperti berikut:

KEJATUHAN HARGA HASIL PERTANIAN—LANGKAH BAGI MENOLONG PETANI

4. **Datin Paduka Zaleha binti Ismail** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang Kementerian Pertanian bagi menolong petani-petani dalam masalah jatuhnya harga hasil-hasil pertanian seperti kelapa, koko dan lain-lain.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telahpun dibuat pada 13hb Oktober, 1982 berhubung dengan

kelapa dan saya tidak bercadang untuk mengulang dan menambah kepada jawapan itu.

Berhubung dengan koko beberapa tindakan sedang diambil bagi menyampaikan hasil kajian dan teknologi baru kepada pekebun-pekebun kecil koko untuk dipraktik dan diamalkan melalui latihan. Perkhidmatan perkembangan dan nasihat melalui sistem latihan dan lawatan ataupun "2L" dalam masa yang sama juga bantuan input pengeluaran diberikan seperti benih, baja dan racun. Kebun-kebun koko yang tua yang tidak bermutu akan dipulihkan dengan 'clone' ataupun baka yang teruji dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dan bermutu.

Sebagai permulaan empat kawasan telah dipilih untuk dipulihkan dengan tidak payah ditanam baru, tetapi memadai dengan menggunakan teknik baru iaitu top-building. Kawasan-kawasan itu ialah Rungkup dan Hutan Melintang di Perak, Api-api dan Asam Jawa di Selangor serta Rengit di Johor.

Dari segi pemasaran usaha-usaha telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan melalui agensi-agensinya berkenaan untuk mengatasi masalah kejatuhan harga koko. FAMA misalnya telah dan sedang menyertai pembelian dan pemerosesan biji koko kering dan basah melalui Pusat memproses koko di Sabak Bernam dan beberapa pusat pemasaran yang lain di kawasan penanaman koko.

Rancangan Pelesenan Koko juga dijalankan bertujuan mengurangkan amalan-amalan tidak adil dalam pemasaran hasil ini. Pegawai-pegawai Penguatkuasa FAMA telah dan sedang membuat lawatan-lawatan dan pemeriksaan ke tempat-tempat belian biji koko tersebut untuk memastikan supaya pembeli-pembeli swasta tidak mengambil kesempatan dari kejatuhan harga yang berlaku sekarang ini.

FAMA juga telah mengadakan kursus memproses koko di kalangan petani-petani dan setakat ini 500 orang pekebun-pekebun koko telah diberi kursus bagaimana cara memproses biji koko yang betul supaya dapat mengeluarkan koko yang bermutu tinggi. Di samping itu Kerajaan telah berusaha

menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke negeri-negeri yang menjadi pasaran baru untuk biji koko Malaysia seperti Jepun dan Amerika Syarikat demi menjaga pasaran yang lebih stabil tanpa bergantung sangat kepada pasaran tradisional seperti Jerman Barat dan England.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kejatuhan harga kelapa dan harga koko yang sangat teruk, adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa keseluruhan pekebun-pekebun kecil kelapa dan koko ini akan lenyap pada masa yang akan datang dan adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa keluarga petani-petani kelapa sekiranya Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah perlu, kehampiran akan kebuluran tidak makan oleh kerana harga kelapa ini tidak ada langsung? Di masa akan datang maka saya ingin mencadangkan sama ada.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak benarkan mencadang, yang saya boleh benarkan ialah bertanya.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya bolehkah Kementerian Pertanian memberikan subsidi kepada harga kelapa untuk pekebun-pekebun kecil kelapa sebagaimana yang diterima oleh penanam-penanam padi.

Satu lagi soalan saya, adakah Kementerian Pertanian sedar semasa Kementerian Pertanian ini menjalankan rancangan memberi bantuan tanam semula atau pemulihan yang Kementerian itu sendiri tahu bahawa harga kelapa tidak ada harga pada masa yang akan datang ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Berkenaan dengan kelapa Yang Berhormat, telah pun dijawab, jadi sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan bersangkutan dengan kelapa, beliau menjawab bersangkutan dengan koko sahaja. Jadi Yang Berhormat hendak keluarkan soalan tambahan kenalah bersangkutan dengan koko sahaja.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Baik, Tuan Yang di-Pertua, tetapi soalan Yang Berhormat Datin Paduka Zaleha ini bersangkutan dengan harga kelapa dan koko. Oleh itu saya kemukakan lagi satu pertanyaan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan rancangan penanaman koko yang terlibat juga kawasan saya, iaitu Rungkup dan Hutan Melintang, sudahkah Kementerian ini mengkaji masa depan harga koko ini, oleh kerana saya bimbang dan takut apabila Kementerian mengeluarkan wang berjuta-juta ringgit untuk tanaman koko maka 5 tahun yang akan datang nasib harga koko ini sama dengan harga kelapa.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian dan Kerajaan sedar semua masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak petani-petani kita. Oleh kerana hal yang demikian Jabatan Pertanian dan Kementerian saya sebagaimana yang saya jelaskan tadi dalam jawapan saya, iaitu kita sedang berusaha mencari negara-negara lain yang mahu membeli koko-koko dari Malaysia dan kita harap negara-negara yang kita lawati sekarang akan membeli koko dari Malaysia, bukan hanya negeri Great Britain ataupun Jerman Barat sahaja yang membeli koko macam mana yang kita alami sekarang.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa kejatuhan hasil pertanian di negara kita ini termasuk koko dan kelapa adalah satu perkara yang sangat hampa dan menjadi satu perkara yang putus asa di kalangan rakyat sedangkan kebanyakan rakyat kita adalah bergantung dan terlibat dengan sektor pertanian, terutamanya di luar-luar bandar. Saya ingin tahu, sebenarnya dalam menentukan harga hasil pertanian ini siapakah yang menentukan harga hasil pertanian kita ini dan untuk menyelesaikan perkara ini apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk memperbanyakkan lagi industri-industri kecil berasaskan pertanian, kemudian mengeksport sebagai bahan pengguna yang sudah siap, tidak mengeksport barang-barang yang belum siap kemudian kita beli pula dengan harga yang

mahal, sepatutnya kita mengeksport sebagai bahan pengguna yang sudah siap dan industri ini adakah menjadi satu perancangan dalam pihak Kementerian untuk mengadakannya?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, harga barang mentah dalam negara ini bukannya dibuat dengan suka-suka hati bahkan bergantung semata-mata dengan demand daripada negara-negara yang memerlukan bahan-bahan mentah kita. Kita tidak dapat membuat ramalan sebagai pandangan jauh oleh kerana pada satu ketika dahulu harga barang mentah yang dikeluarkan hasil pertanian negara ini telah begitu laku di negara-negara yang memerlukannya. Sebagaimana yang kita sedia maklum, oleh kerana recession yang kita alami seluruh muka bumi ini pada ketika ini jadi terpaksa kita pun tidak boleh membuat apa-apa terhadap masalah ini oleh kerana demand yang kita sentiasa dapati daripada negara-negara yang memerlukan hasil mentah dahulu sekarang sudah berkurangan. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya jelaskan pada 13 haribulan dahulu dalam Dewan yang mulia ini pihak Kerajaan dan Kementerian saya sedang berusaha mencari daya upaya bagaimana dapat menolong para petani-petani kita yang sedang mengalami kesukaran kejatuhan harga barang-barang mentah di negara ini.

HARGA BARANG-BARANG— MENSTABILKAN

5. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menstabilkan harga barang-barang, langkah-langkah yang diambil untuk menyedapkan perasaan petani-petani di Sarawak dari terkejut akibat jatuhnya harga barang di pasaran dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Uli): Tuan Yang di-Pertua, mula-mula izinkanlah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa harga bahan-bahan atau barang utama eksport dari Malaysia adalah ditentukan oleh faktor-faktor permintaan

(demand) dan bekalan (supply) di pasaran antarabangsa. Kejatuhan bahan-bahan utama yang berlaku pada masa ini adalah berpunca daripada keadaan kemelesetan ekonomi dan pasaran dunia yang kita alami sekarang.

Untuk menahan keadaan harga bahan-bahan utama terus merosot dan bagi menjaga kepentingan pengeluar-pengeluar, khususnya pekebun-pekebun kecil sama ada di seluruh negara ataupun di Sarawak, pihak Kerajaan telah, sedang dan akan terus berusaha mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (1) Meningkatkan usaha-usaha dalam penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan hasil mutu kekesanan dan kecekapan untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar bahan utama lain di dunia ini.
- (2) Meningkatkan aktiviti-aktiviti pemasaran bahan-bahan utama ke negara-negara pengguna yang mempunyai potensi di samping memperkukuhkan pasaran-pasaran yang sedia ada dengan berusaha untuk menghapuskan atau mengurangkan rintangan-rintangan tarif dan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara pengguna.
- (3) Mengoperasikan Bursa Komiditi (Kuala Lumpur Commodity Exchange) bagi mengadakan satu sistem penentuan harga bahan-bahan utama di negara kita yang cekap dan berkesan bagi kontrak masa depan.
- (4) Menggalakkan penubuhan industri-industri berasaskan sumber bagi meningkatkan nilai-nilai tokok bahan utama di samping meningkatkan usaha-usaha memproses pemerosesan bahan-bahan utama ini.
- (5) Mempastikan pembungkusan bahan-bahan utama yang kemas bagi menentukan mutu yang terjamin dan perkhidmatan perkapalan yang baik dengan kadar tambang yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, Malaysia adalah menganggotai perjanjian-perjanjian Antarabangsa bagi getah dan bijih

timah untuk mencapai kestabilan harga bagi kedua-dua komoditi yang tersebut ini. Di samping itu negara-negara pengeluar dalam rantau ini telah bersetuju supaya sektor perusahaan getah harus mengambil tindakan sewajarnya bagi mengukuhkan pasaran getah supaya harga getah dapat dipulihkan dengan cepatnya apabila keadaan ekonomi dunia beransur baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kesan-kesan langkah di atas adalah menyeluruh termasuk juga bagi negeri Sarawak, namun ingin juga saya jelaskan bahawa langkah-langkah telah dan sedang diambil untuk membantu penanam-penanam lada hitam di Sarawak. Langkah-langkah tersebut termasuklah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada Lembaga Pemasaran Lada Hitam berjumlah \$4 juta untuk dijadikan modal pusingan bagi melaksanakan skim eksport lada hitam secara langsung kepada negara-negara pengguna. Dengan modal ini pihak Lembaga bolehlah membeli sebanyak 10% daripada lada yang dikeluarkan oleh petani-petani di Sarawak.

Di samping itu negara-negara pengeluar di bawah Pertubuhan Lada Antarabangsa telah bersetuju untuk melaksanakan skim harga eksport minima lada hitam hatta ke pasaran New York. Juga peruntukan sebanyak A\$400,000 didapatkan untuk mengkaji masalah penyakit foot-rot dan Lembaga Pemasaran Lada Hitam juga telah membina pusat memproses dan menggred lada hitam bagi meninggikan mutu bahan ini sebelum dieksport supaya dapat meningkatkan harga bahan ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Perusahaan Utama untuk menjaga kepentingan harga barang-barang pengeluaran negara kita, adakah Kementerian itu terlebih dahulu menyiasat tentang kedudukan harga barang-barang kita sebelum melancarkan sesuatu rancangan kepada petani-petani? Ini berlaku kerana saya dapati ada agensi Kerajaan kita yang membeli bahan-bahan pertanian kita tetapi tidak memasarkan ke luar negeri sebaliknya menjual barang itu kepada pemodal-pemodal tempatan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan itu telah dikemukakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tadi. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sentiasa sedapat-dapatnya mengkaji potensi ataupun prospek bahan-bahan utama itu sama ada jangka panjang, jangka pendek ataupun jangka sederhana. Oleh kerana itu saya rasa perkara ini sentiasa mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan.

Tuan Peter Chin Gan Oon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersukacita dengan Perjanjian Getah Antarabangsa (International Rubber Agreement) dan Perjanjian Timah Antarabangsa (International Tin Agreement) sebagai cara-cara menstabilkan harga-harga getah dan bijih timah khususnya dengan beberapa buah negara-negara pengguna yang besar yang tidak menjadi sebahagian kedua-dua Perjanjian ini. Jika tidak bersukacita, adakah Kementerian mempunyai sebarang pendapat bagaimana menstabilkan harga-harga getah dan bijih timah agar negara-negara pengguna yang besar akan mengambil bahagian?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang menaruh kepercayaan terhadap kedua-dua Perjanjian Antarabangsa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kerana sekiranya tidak wujud kedua-dua Perjanjian ini maka di kala harga bahan-bahan utama pada masa ini jatuh dan di kala kita mengalami kemelesetan ekonomi maka saya rasa harga bahan-bahan utama seperti yang ada sekarang tidak akan stabil sepertimana yang kita lihat sekarang. Kemungkinannya akan jatuh lebih ke bawah lagi daripada apa yang kita terdapat sekarang.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Dengan izin*) Will the Deputy Minister concerned tell this House the three following points:

- (1) Will the Government consider increasing the revolving fund for pepper under the Fourth Malaysia Plan Mid-Term Review from \$4 million to.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta kuatkan sedikit.

Tuan Sim Kwang Yang: Yes.

- (1) Will the Government consider increasing the revolving fund for pepper under the Fourth Malaysia Plan Mid-Term Review from \$4 million to \$10 million, considering that 98% of pepper in Malaysia is produced by Sarawak and that they are the hardest hit by the world commodity price slump?
- (2) Does the Government have any plan to produce fertilisers, insecticides and farm tools within the country itself instead of importing them, so as to cut the cost of production?
- (3) The Minister has said that \$400,000 had been spent to study the problem of foot-rot pepper disease. I would like to know whether any cure has been found and what steps have been taken to implement the cure.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang ketiga itu saya tidak benarkan kerana tidak berbangkit tetapi soalan yang pertama dan kedua saya benarkan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum diusahakan untuk menambah \$4 juta kepada jumlah yang lebih besar lagi. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan merosot ataupun keadaannya bertambah buruk kemungkinan Kerajaan akan menimbang untuk menambahkan. Jadi untuk menimbang ini bukanlah di bawah jagaan Kementerian saya.

Yang kedua, bidangkuasa Kementerian saya ialah bukan untuk menjaga pemberian fertilisers, itu ialah di bawah jagaan Kementerian Pertanian Negeri Sarawak.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Baru-baru ini tersiar dalam suratkhbar ada kilang-kilang kelapa sawit yang membeli buah-buah kelapa sawit ini mengikut quota. Apakah berita itu benar dan kalau benar, mengapa demikian? Apakah ini suatu langkah menstabilkan harga minyak kelapa sawit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh bertanya benda-benda yang bersangkutan dengan apa yang dibaca dalam suratkhobar.

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menyatakan tadi salah satu usaha ke arah menstabilkan harga bijih kita ialah menerusi Perjanjian Timah Antarabangsa. Saya ingin mendapat tahu adakah negara-negara pengguna yang besar yang belum lagi menyertai perjanjian ini?

Soalan kedua, adakah perkara-perkara yang diputuskan dalam Perjanjian ini dipatuhi oleh semua negara anggota?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, setakat ini apa yang mungkin Ahli Yang Berhormat maksudkan ialah negara besar seperti Amerika Syarikat dan lain-lain. Setakat ini belum ada tanda-tanda menunjukkan bahawa negara itu hendak menyertai pertubuhan ini.

Soalan kedua bolehkah ulangkan balik?

Tuan Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua adakah perkara-perkara yang telah diputuskan dalam Perjanjian ini telah dipatuhi sepenuhnya oleh semua anggota dalam Perjanjian ini?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ya! mereka mematuhi kesemuanya.

MASYARAKAT ISLAM—LANGKAH MENGATASI GEJALA PERPECAHAN

6. **Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan Kementerian selama ini kepada beberapa orang imam, bilal, ahli-ahli jawatankuasa kariah mesjid dan termasuk juga orang-orang fanatik di dalam negara yang terlibat dengan kerja-kerja menghasut dan memecah-belahkan masyarakat di kampung-kampung terutamanya di kawasan pendalaman.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, pada asasnya soal ini adalah dalam bidang tanggungjawab negeri-negeri berkenaan oleh sebab ianya mengenai hal ehwal ugama Islam. Apa yang sedang kita lihat berlaku sekarang ini ialah gejala-gejala yang berunsur keugamaan yang boleh membawa kepada perpecahan masyarakat Islam khususnya. Kementerian saya memberi perhatian serius terhadap akibat yang mungkin timbul dari gejala-gejala ini yang mana ianya boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara jika keadaan ini tidak dibendung.

Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (a) Kementerian telah mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak yang terlibat untuk mencari persefahaman;
- (b) Kementerian mengawasi dengan rapi segala kegiatan-kegiatan dan perkembangan yang berlaku dari masa ke semasa termasuklah pengawasan di kawasan-kawasan yang berpotensi mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam;
- (c) Kementerian saya juga menganjurkan majlis dialog dengan masyarakat setempat bertujuan untuk menasihatkan mereka supaya sentiasa berwaspada terhadap hasutan dan dakyah yang boleh memporakperandakan masyarakat termasuk kawasan-kawasan yang belum dijangkiti oleh gejala ini.

Walau bagaimanapun, oleh kerana masalah ini merupakan masalah yang sangat berat lebih-lebih lagi dari segi ugama dan kedudukan ugama Islam khasnya dan ugama-ugama lain adalah terjamin kedudukannya dalam Perlembagaan Malaysia maka Kerajaan Pusat bercadang untuk mewujudkan peruntukan dalam undang-undang bagi melindungi dan menjamin kesucian ugama Islam di negara ini.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tadi bahawa di antara langkah-langkah untuk mengatasi gejala-gejala yang disebutkan tadi ialah hingga mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak yang terlibat. Saya ingin tahu siapakah pihak-pihak yang terlibat dan apakah perkara-perkara yang dibincangkan dan apakah hasilnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, memadailah kalau saya perkatakan bahawa kami mengenalpasti siapa-siapa yang terlibat dan perbincangan itu memang banyak dan tidak seharusnya diberitahu.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa soal ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Soalan saya, adakah boleh diwujudkan satu jawatankuasa bersama Kementerian dan juga Jabatan-jabatan Persekutuan yang terlibat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, awal-awal tadi telah diperkatakan bahawa soal ini adalah soal kuasa pentadbiran Jabatan Ugama Negeri. Jikalau sesuatu yang berkaitan dengan keselamatan, maka barulah pihak kami, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, boleh campur tangan.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam soalan saya maksudkan orang-orang fanatik dalam negara tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi ini adalah tanggungjawab Pejabat Ugama. Yang sebenarnya di dalam kawasan saya ada banyak orang fanatik. Saya beri contohnya pada hari pilihanraya, besok itu seorang hamba Allah

yang menyokong UMNO pergi sembahyang di mesjid maka dipukulnya orang itu sehingga duduk di hospital lebih kurang dua minggu. Perkara-perkara yang semacam inilah terjadi di kawasan kampung. Apakah tindakan Kementeri hendak menghapuskan benda-benda pukul memukul, katuk mengatuk, pulau memulau dan sebagainya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi saya perkatakan bahawa kita memang kenal pasti orang-orang yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang semacam ini. Tindakan yang sewajarnya akan diambil, berlandaskan undang-undang yang ada, sekiranya pihak-pihak yang terlibat, meneruskan lagi kegiatan-kegiatan yang tidak baik ini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri berkenaan dapat memberi jawapan apakah takrif fanatik atau tasauf ini termasuk sikap ahli JKKK dan Penghulu-penghulu yang menyokong parti pemerintah sehingga melakukan sikap yang tidak adil terhadap pembahagian subsidi daripada pihak pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir tidak berbangkit soal itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada kejadian-kejadian yang melibatkan pergaduhan antara penduduk-penduduk kampung berpunca daripada perselisihan politik dan apabila perkara ini diadukan kepada pihak polis maka pihak polis sengaja tidak mahu membesar-besarkan perselisihan politik itu dan memberikan sebab sebagai perselisihan peribadi sehingga menyebabkan tidak timbul bahawa perselisihan itu yang berpunca daripada krisis politik dalam kampung.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi saya telah menjelaskan bahawa bidang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hanyalah berkaitan dengan sesuatu yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Jikalau gejala-gejala itu muncul maka, kami sebagai orang yang bertanggungjawab dalam soal-soal keselamatan negara dan ketenteraman awam terpaksa menjalankan tugas yang sewajarnya.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di beberapa tempat dalam negara kita ini terutamanya di kawasan pantai timur lahir beberapa kelab, beberapa balai dan madrasah-madrasah lama dijadikan tempat-tempat sembahyang Jumaat di luar daripada keredhaan atau kemahuan daripada jabatan Ugama. Kemudian terjadi juga di beberapa tempat di mana berlaku makmun berebut tongkat kerana hendak membaca khutbah, berebut sejadah kerana hendak berebut menjadi tok imam dan sebagainya dan inilah mungkin yang dikehendaki oleh fanatik oleh Yang Berhormat penyوال yang pertama dan apakah Kerajaan sedar bahawa perkara-perkara yang seumpama ini adalah merupakan suatu subservif ugama yang serius dan perlu diambil tindakan segera.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu pada hari ini ialah kesedaran daripada umat-umat Islam kita sendiri akan tanggungjawab masing-masing berhubung dengan meletakkan ugama Islam dimercu yang setinggi-tingginya. Jikalau tiap-tiap seorang Islam kita mengamalkan apa yang diperkatakan tadi mungkin soal-soal yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak timbul. Suka saya mengambil kesempatan ini memaklumkan kepada Dewan iaitu amatlah wajar dan sesuai bagi kita orang-orang Islam pada hari ini khususnya mereka yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan ini mengambil satu langkah mengubah sikap iaitu daripada sikap yang mereka kendalikan pada hari ini kepada sikap yang lebih baik dan sukalah saya nyatakan bahawa yang perlu pada hari ini ialah kita

menjaga hati kita masing-masing. Kalau saya sebutkan di sini apa yang disabdakan oleh Nabi Muhammad, s.a.w. yang bermaksud:

Dalam jasad seseorang itu ada seketul daging yang mana jikalau sekiranya ia sihat maka sihatlah seluruh badan dan jikalau ia busuk maka busuklah seluruh badannya. Apa dia? Ialah hati. Ini bererti bahawa jika hati kita masing-masing jujur dalam usaha meninggikan Islam sendiri dan ingin pula menjaga dan memelihara keagungan Islam kita sendiri, maka sudah tentu, kita akan dapat mengawasi suasana yang dibimbang-bimbang oleh Yang Berhormat tadi (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat ini yang last sekali. Masa sudah lampau dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih di atas syarahan ugama tadi (*Tepuk*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat Timbalan Menteri PAS tadi—adakah benar orang-orang fanatik ini yang mendapat fahaman bahawa PAS itu Islam dan Islam itu hak PAS sahaja. Dan adakah benar mereka yang fanatik ini lebih suka Kerajaan tangkap mereka daripada Kerajaan tidak tangkap, kerana mereka ini menggunakan isu tangkapan Kerajaan ini untuk kepentingan politik mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan seperti itu. Saya rasa cukuplah.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 23 adalah diberi di bawah ini).

SISTEM PERSEKOLAHAN KEBANGSAAN

7. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan cadangan untuk mewujudkan satu sistem persekolahan Kebangsaan yang mengandungi dua jenis sekolah di peringkat menengah atas iaitu Akademi dan Vokasional, sejauh mana usaha

yang dibuat oleh Kerajaan untuk menyatu dan menyerap pelajaran teknikal dan vokasional dalam kurikulum kedua-dua sekolah tersebut pada hari ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran telah memperakukan supaya diwujudkan satu sistem persekolahan Kebangsaan di mana di peringkat pelajaran menengah atas hanya akan wujud dua jenis sekolah, iaitu Sekolah Menengah Akademik dan Sekolah Menengah Vokasional. Ini bermakna Sekolah Menengah Teknik akan dimansuhkan.

Kementerian Pelajaran sedang berusaha dengan giatnya merancang pendidikan di peringkat sekolah menengah berdasarkan kepada perakuan-perakuan yang terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet, mengenai perlaksanaan dasar pelajaran negara. Perancangan itu termasuklah usaha untuk menyerap pendidikan teknikal ke Sekolah Menengah Akademik. Di samping itu Kementerian Pelajaran sedang dan akan mendirikan lebih banyak lagi sekolah menengah vokasional dalam Rancangan Malaysia Keempat ini untuk membolehkan lebih ramai pelajar memasuki sekolah tersebut.

Pada peringkat perancangan ini perbincangan ialah ke arah menentukan mata-mata pelajaran yang dianggapkan perlu bagi kedua-dua aliran akademik dan vokasional.

Bagi aliran akademik, perbincangan ialah mengenai keperluan mengadakan unsur-unsur kemahiran pra-vokasional bagi tingkatan satu hingga tiga. Pendedahan seperti ini akan menjadi asas untuk membolehkan pelajar-pelajar mengikuti pelajaran vokasional di aliran sekolah berkenaan. Peluang bagi pelajar-pelajar aliran akademik mengikut unsur-unsur pelajaran vokasional pada tingkatan 4 dan 5 juga sedang dipertimbangkan.

Pelajaran vokasional akan menjadi mata pelajaran yang utama di aliran vokasional dan kandungannya akan membolehkan pelajar-pelajar memasuki institusi-institusi

latihan atau pekerjaan-pekerjaan tertentu. Perancangan juga mempertimbangkan peluang-peluang pelajaran dan latihan lanjutan dalam bidang teknikal dan vokasional. Peluang-peluang seperti ini akan membolehkan pelajar-pelajar memasuki latihan-latihan yang sesuai untuk keperluan tenaga rakyat kemudiannya.

Di dalam perbincangan-perbincangan yang telah diadakan, wakil-wakil pihak swasta juga dijemput mengambil bahagian.

Keputusan muktamad masih belum dapat dicapai kerana ini akan melibatkan "rombakan semula" sistem persekolahan sekarang untuk disesuaikan dengan dua aliran Akademik dan Vokasional. Justeru itu, kemasukan dan penyesuaian mata pelajaran vokasional dan teknikal dalam Sistem Pendidikan Umum itu masih di peringkat persediaan untuk dilaksanakan.

JALANRAYA PEKAN KOTA BELUD KE TAMPARULI—RANAU

8. Tuan Haji Yahya Lampong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah jalanraya dari Pekan Kota Belud sehingga ke jalanraya Tamparuli—Ranau dapat diaspalkan kerana jalanraya ini paling sibuk digunakan kerana ianya menyambungkan perhubungan antara Kudat dengan Ranau dan Kota Belud ke Ranau.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Satu kajian telah dibuat dan didapati bilangan pengguna jalan ini adalah lebih kurang 150 kenderaan sehari, terutama sekali oleh Syarikat OMRD bagi membawa keluar tembaga dari kawasan ini ke Teluk Usukan. Perbelanjaan bagi membaiki jalanraya dari Pekan Kota Belud sehingga ke jalanraya Tamparuli—Ranau adalah terlalu tinggi disebabkan keadaan bumi yang curam dan bergunung-ganang. Oleh itu faedah penggunaan yang akan diperolehi dari projek jalan ini adalah terlalu rendah jika dibandingkan dengan kos pembinaan. Walau bagaimanapun

Kementerian saya akan membuat penilaian secara mendalam untuk kemungkinan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-5.

SKIM RUKUN TETANGGA—RONDAAN

9. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tugas rondaan Rukun Tetangga yang ada sekarang mengalami kegagalan sepenuhnya oleh kerana sambutan dingin daripada orang ramai dan memandangkan kepada ini adakah Kerajaan akan menghapuskan semua rondaan Rukun Tetangga.

11. (8-11-1982) Tuan Tan Kok Hooi minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar banyak hari kerja telah dibazirkan oleh kerana Rukun Tetangga, jika ya adakah beliau sedia mengkaji semula Skim Rukun Tetangga.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Goh Cheng Teik): Oleh kerana pertanyaan yang dibuat oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, iaitu Ahli dari Kuala Lumpur Bandar dan Ahli dari Padang Serai pada 8 November itu adalah hampir sama, maka saya ingin memohon izin dari Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut dengan serentak.

Dari penilaian am mengenai Skim Rukun Tetangga yang telah bermula pada tahun 1975, adalah didapati bahawa ianya berguna dan berkesan untuk rakyat. Ia telah dapat memainkan peranan yang berkesan dalam mencegah serta membentaras ancaman-ancaman jenayah dan anti-nasional dan telah dapat memelihara kesejahteraan penduduk tempatan. Dengan demikian tidaklah tepat kalau dikatakan bahawa Skim Rukun Tetangga "telah membazirkan". Kita harus menerima hakikat bahawa sesuatu projek yang melibatkan organisasi di banyak peringkat di seluruh negara tidak semestinya mencapai kejayaan 100%. Begitulah jua dengan Skim Rukun Tetangga. Walaupun sebahagian besar daripada sektor-sektor yang telah diisytiharkan itu berjalan dengan baik, ada juga di antaranya yang tidak mencapai

tahap kejayaan yang diharap-harapkan. Ini disebabkan oleh masalah-masalah yang biasa timbul dalam aspek perhubungan manusia. Tetapi ini tidaklah boleh dianggap sebagai "kegagalan sepenuhnya" sepertimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar itu.

Sebagaimana yang telah diumumkan, Kerajaan telahpun membuat kajian semula dari aspek pelaksanaan Skim Rukun Tetangga yang dikaitkan pula dengan rancangan perhubungan masyarakat untuk dikuatkuasakan di beberapa tempat tertentu sahaja. Dengan lain perkataan kajian ini dibuat dengan tujuan untuk mengubahsuaikan Skim Rukun Tetangga kepada suatu corak yang lebih praktikal. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Urusetia Rukun Tetangga telahpun dicantumkan dengan Lembaga Perpaduan Negara. Jadi kajian yang telah dibuat itu tertumpu kepada penerapan aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga dengan aktiviti-aktiviti Perhubungan Masyarakat yang selama ini mempunyai banyak aspek yang bertindih. Hasilnya ialah bahawa aktiviti-aktiviti yang sama ini, iaitu yang bercorak muhibah dan bagi memupuk keharmonian kaum sambil menjaga keselamatan tempatan, disatukan di bawah nama Rukun Tetangga.

Pengubahsuaian ini melibatkan tiap-tiap satu sektor Rukun Tetangga itu dibahagikan kepada 3 kategori:

Kategori 1— Kawasan/sector yang dianggap aman dan tenteram di mana perhubungan masyarakat adalah baik, pendaftaran serta rondaan wajib tidak diadakan dan kegiatan kemasyarakatan melalui konsep kejiranan dijalankan.

Kategori 2— Kawasan-kawasan di mana keadaan keamanan dan ketenteramannya dianggap mula merosot maka pendaftaran penduduk-penduduk diwajibkan, tetapi rondaan belum

dikuatkuasakan. Kawasan/ sektor yang termasuk dalam kategori 2 ini konsep kejuranan boleh terus dilaksanakan.

Kategori 3— Kawasan-kawasan di mana keamanannya terancam atau tiada lagi ujud keamanan di situ akibat jenayah, kegiatan anti-nasional dan sebagainya, maka pendaftaran terus dilaksanakan dengan ronda wajib dikuatkuasakan di bawah undang-undang Rukun Tetangga. Di kategori ini pun konsep kejuranan boleh juga dijalankan mengikut keadaan sesuatu kawasan itu.

Jadi walaupun kawasan-kawasan dibahagikan kepada tiga kategori, tetapi di ketiga-tiga kategori itu konsep kejuranan untuk memupuk muhibah dan keharmonian antara rakyat boleh dijalankan. Pembahagian kategori ini boleh ditukar-tukarkan mengikut keadaan keselamatan kawasan itu masing-masing. Di dalam pembahagian mengikut kategori itu kerjasama dengan pihak polis adalah dibuat untuk mengkaji serta membuat perakuan.

PRIVY COUNCIL—MEMBATALKAN

10. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membatalkan dengan sepenuhnya rayuan ke "Privy Council", jika demikian, bila.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Perkara ini sedang dalam kajian pihak Kerajaan dan setakat ini belum lagi diperbuat apa-apa keputusan mengenainya.

LEMBAGA LETRIK SABAH— AMBIL ALIH

11. Tuan Mohd Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos

menyatakan bilakah Kementerian beliau mengambil alih penyusunan dan pentadbiran Lembaga Letrik Sabah. Apakah rancangan dan tindakan yang diambil oleh Kementerian berkenaan sesudah sahaja pengambilan alih itu selesai.

Datuk Clarence E. Mansul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju pada prinsipnya supaya pembekalan elektrik yang pada masa ini dikendalikan oleh Lembaga Letrik Sabah iaitu sebuah perbadanan Negeri, diserahkan balik kepada Kerajaan Persekutuan mengikut perbekalan dalam Perlembagaan Malaysia. Langkah-langkah ke arah ini sedang diambil tindakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan ini termasuk kemungkinan mengujudkan satu rang undang-undang yang tertentu apabila penelitian yang sesuai siap dibuat kelak.

PASARAN GETAH

12. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah positif yang diambil oleh Pertubuhan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) bagi mengatasi kemerosotan harga getah sekarang ini dan sejauh manakah ianya mencapai kejayaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Memandangkan kepada keadaan pasaran getah yang masih lembab, Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) telah mengadakan beberapa mesyuarat bagi meneliti langkah-langkah yang patut diambil dan mendapatkan pendirian bersama untuk mengukuhkan harga getah. Berikutan dari ini, negara-negara pengeluar ANRPC seperti Indonesia, Thailand, Malaysia dan Sri Lanka bersetuju supaya sektor perusahaan getah digesa mengambil langkah-langkah bagi mengukuh serta menyegerakan pemulihan semula pasaran getah asli.

Dalam hubungan ini adalah dipersetujui supaya sejumlah tertentu getah iaitu kira-kira 250,000 tan perlu ditahan dari pasaran oleh

sektor perusahaan getah asli di negara-negara ANRPC dalam tempoh 6 bulan mulai bulan Oktober ini. Di bawah kuantum ini syer sektor perusahaan getah asli Malaysia bagi menahan getah dari pasaran ialah sebanyak 129,000 tan, Indonesia 70,000 tan, Thailand 35,000 tan dan Sri Lanka sebanyak 12,000 tan. Adalah dipersetujui langkah-langkah sebenar yang diambil di tiap-tiap negara adalah bergantung kepada keadaan dan kesesuaian di negara masing-masing. Langkah-langkah yang harus dipertimbangkan termasuklah cuti torehan, menangguhkan penggunaan penggalak susu, menambahkan stok dan kawalan eksport serta mempercepatkan program tanaman semula.

Adalah terlalu awal pada masa ini untuk mengukur kejayaan langkah-langkah yang diambil. Walau bagaimanapun, sepertimana yang dilaporkan oleh Indonesia, Thailand, Sri Lanka dan Malaysia kepada mesyuarat ANRPC EXCO baru-baru ini, sektor perusahaan getah asli di negara-negara berkenaan telah menyambut secara positif langkah-langkah ke arah memperbaiki keadaan pasaran getah asli. Di Indonesia, pengurangan getah dari pasaran sebanyak 70,000 tan dibuat oleh sektor perusahaan getah asli, sebahagian besarnya melalui langkah-langkah penyesuaian dengan keadaan pasaran yang lembab sekarang yang mengakibatkan pengurangan eksport, manakala sektor estetnya bersedia menambahkan usaha-usaha ini. Di Thailand pula, langkah-langkah yang diambil termasuklah menambahkan insentif bagi mempercepatkan program tanaman semula getah. Di Sri Lanka, di samping menggalakkan program tanaman semula, sektor industri getah aslinya juga telah menangguhkan penggunaan penggalak susu. Di Malaysia pula, langkah-langkah tertentu melalui sektor perdagangan, estet dan sektor pekebun kecil sedang dilaksanakan bagi menahan kira-kira 129,000 tan getah dari pasaran.

Melalui langkah-langkah yang diambil oleh Sektor Perusahaan Getah Asli di Negara-negara ANRPC di samping Operasi Stok Penimbal INRO, adalah diharapkan pasaran getah asli dapat dikukuhkan dan apabila

keadaan ekonomi dunia pulih semula, pasaran getah pun akan dapat dipulihkan dengan segeranya.

**ELAUN KERAIAN
(ENTERTAINMENT ALLOWANCE)
PEGAWAI KERAJAAN**

13. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Elaun Keraian (Entertainment Allowance) yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan dari Superscale G dan ke atas akan ditarik balik memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang wujud sekarang dan kempen jimat-cermat yang dilancarkan oleh Kerajaan baru-baru ini dan sama ada beliau bersetuju elaun ini diberi bukan untuk keraian tetapi untuk memperkayakan pegawai-pegawai Kerajaan atasan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Walaupun langkah-langkah berjimat telah diambil seperti membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong yang tidak bercorak teknikal dan juga membekukan pengujudan jawatan-jawatan baru serta pemeringkatan jawatan-jawatan yang sedia dalam usaha mengurangkan perbelanjaan, tetapi belum lagi sampai masanya bagi Kerajaan menyemak semula kadar gaji dan elaun-elaun dengan tujuan untuk menyusutkan atau untuk menarik balik mana-mana elaun yang dibayar sekarang.

Saya ingin membetulkan dua perkara yang tidak menepati dalam soal Yang Berhormat Ahli bagi kawasan Bukit Mertajam itu. Yang pertama, bukan pegawai-pegawai Kerajaan dalam Tingkatan Tertinggi G ke atas sahaja yang di bayar elaun keraian. Pegawai-pegawai dalam badan berkanun dan kuasa tempatan dan pegawai yang terkebawah daripada Tingkatan Tertinggi G pun boleh juga diluluskan elaun keraian oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam jika sifat tugas jawatan mereka kerap kali memerlukan mereka merai tetamu dan orang kenamaan. Kedua, gaji dan elaun dalam sektor awam adalah ditetapkan berasaskan kepada kriteria yang tertentu berdasarkan "upahan menurut

pekerjaan". Oleh itu sebarang apa-apa bayaran yang diluluskan tidak bertujuan untuk memperkayakan mana-mana golongan daripada pegawai Kerajaan.

TANAH SAWAH TERBIAR

14. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian menyatakan berapa hektar tanah sawah padi di Seberang Prai yang telah jadi tanah terbiar dengan memberikan sebab-sebabnya tanah-tanah itu terjadi begitu dan sampai hari ini berapa banyak hektar sudah dipulihkan semula.

Tuan Luhut Wan: Jumlah tanah sawah terbiar di Seberang Prai ialah 6,476 hektar (15,995 ekar). Tanah-tanah ini telah menjadi terbiar kerana petani-petani kurang berminat mengusahakan tanaman padi di tanah-tanah yang kecil dan tidak ekonomik, kemudahan infrastruktur yang tidak sempurna, kekurangan tenaga kerja kerana saingan yang hebat dari sektor perindustrian di Prai dan kekurangan trektor yang sesuai bagi kerja-kerja pembajakan. Walau bagaimanapun, setakat ini seluas 3,418 hektar telah dipulihkan. Seluas 2,702 hektar lagi sedang dikaji dan dijangka pemulihannya dapat dimulakan pada akhir tahun ini dan awal tahun 1983.

PEJABAT POS BARU DI BALING

15. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Pejabat Pos Baru akan didirikan di Pekan Baling.

Datuk Clarence E. Mansul: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini belum ada cadangan untuk menggantikan Pejabat Pos di Baling dengan bangunan yang baru. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengkaji keperluan projek pembangunannya dari semasa ke semasa, dan perlaksanaannya pula bergantung pada peruntukan yang diperolehi.

HOSPITAL DAERAH TAIPING— PAKAR MATA

16. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abd. Hamid minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Daerah Taiping tidak mempunyai pakar mata dan pakar perbidanan dan sakitpuan dan jika ya, sama ada beliau bercadang menghantar pakar-pakar tersebut ke hospital ini dan bila.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Ngan): Saya sedar bahawa Hospital Daerah Taiping tidak mempunyai Pakar Mata di beberapa ketika dahulu. Walau bagaimanapun, seorang Pakar Mata telah ditempatkan di Hospital Daerah Taiping dan beliau telah melaporkan diri pada 18hb September, 1982. Akan tetapi Pakar Mata ini telah meletakkan jawatan pada 14-10-82 dengan memberi notis 24 jam. Kementerian sedang berusaha untuk menempatkan seorang lagi Pakar Mata ke Hospital Daerah Taiping dengan seberapa cepat yang mungkin.

Berkaitan dengan Pakar Perbidanan dan Sakitpuan pula, sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa seorang Pakar Perbidanan dan Sakitpuan telahpun ditempatkan di Hospital Daerah, Taiping baru-baru ini.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG— MEMPERLUASKAN

17. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebabnya projek memperluaskan Hospital Besar Pulau Pinang iaitu (Pusat Perkhidmatan Baru) ditangguh-tangguhkan buat beberapa tahun; dan apakah langkah-langkah jangka-pendek dan jangka-panjang yang akan di ambil untuk mengatasi masalah kekurangan kemudahan hospital di Pulau Pinang, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pelaksanaan Projek Pusat Perkhidmatan Baru di Hospital Besar Pulau Pinang telah mengambil masa yang lama oleh sebab aktiviti-aktiviti berikut memerlukan masa untuk menyelesaikannya:

- (i) penyediaan rekabentuk dan pelan-pelan untuk pembinaan;

- (ii) Kajian tapak tanah untuk projek;
- (iii) panggilan tawaran untuk kerja-kerja cerucuk dan substruktur.

Pada masa ini, kerja-kerja cerucuk dan substruktur untuk projek ini telah siap. Tawaran untuk membina bangunan akan dipanggil apabila keadaan ekonomi mengizinkan.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa beberapa projek untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Hospital Besar Pulau Pinang telah siap dilaksanakan seperti berikut:

- (i) sambungan kepada Dewan Bedah;
- (ii) bilik-bilik pemeriksaan untuk pakar-pakar perubatan;
- (iii) sambungan dan pindaan kepada wad-wad perubatan dan pembedahan;
- (iv) Pusat Dobi yang baru.
- (v) Bangunan Unit Kesihatan Jiwa untuk kawasan utara telah juga siap.

Sementara itu, projek-projek berikut akan dilaksanakan untuk menampung keperluan di Hospital Besar, Pulau Pinang:

- (i) Tambahan wad-wad sementara;
- (ii) Memperbaiki Hospital Bersalin;
- (iii) Meningkatkan alat-alat kelengkapan.

RTM—PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA

18. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Penerangan menyatakan apakah beliau berpuashati dengan penggunaan Bahasa Malaysia di RTM sekarang ini, sebagai salah satu alat sebaran am dan perpaduan negara setakat ini. Sekiranya tidak, apakah langkah-langkah Kementerian untuk menentukan Bahasa Malaysia mengambil tempat yang sebenarnya di RTM sebagai satu bahasa negara.

Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Saya telahpun menyentuh soalan ini dalam jawapan saya kepada pertanyaan Yang Berhormat kawasan

Pasir Putih dalam dewan ini kelmarin (26-10-82). Nampaknya soalan Ahli Yang Berhormat ini senada dengan soalan Ahli Yang Berhormat kawasan Pasir Mas. Walau bagaimanapun suka saya terangkan di Dewan ini Kementerian saya berpuashati atas penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua Rangkaian Radio dan TV, kerana Bahasa Malaysia telah digunakan dengan cara yang tersusun dan sistematik. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan alat perpaduan akan dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut landasan-landasan tertentu. Dalam usaha mencapai matlamat Bahasa Malaysia itu, RTM tidak akan mengorbankan matlamat asalnya dari fungsi-fungsinya yang lain seperti komunikasi, hiburan dan lain-lain.

SISTEM HARGA YANG SAMA

19. Tuan Haji Yahya Lampong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah Kementerian tersebut akan mewujudkan satu Sistem harga yang sama rata untuk semua Negeri di Malaysia (PAN MALAYSIAN PRICE) supaya Sistem ini dapat memberi sumbangan ke atas dasar integrasi kebangsaan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Sukar bagi Kementerian saya untuk mengadakan harga yang sama bagi seluruh negara kerana kos kepada peniaga-peniaga berbeza dari satu tempat ke satu tempat. Sebagai contoh kos pengangkutan untuk ke Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi dibanding dengan di Semenanjung Malaysia. Dengan demikian sukar hendak diwujudkan satu harga yang sama (Pan Malaysian Price).

ROMBONGAN PEGUAM NEGARA ASING—TUNJUK PERASAAN

20. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau memberi kebenaran kepada kira-kira 2,000 orang yang menunjukkan perasaan membantah terhadap segolongan peguam daripada negara-negara asing di depan

sebuah hotel yang terkemuka pada 4-8-82; apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka; adakah Kerajaan mempunyai dua standard dalam hal ini.

Tuan Mohd. Kassim Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang hampir sama telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 14hb Oktober, 1982 dan, saya tidak akan membuat apa-apa tambahan.

PENYAKIT DENGGI—RANCANGAN MENCEGAH

21. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan-tindakan atau rancangan jangka panjang yang akan dijalankan untuk mencegah penyakit denggi dari menjadi satu penyakit yang menyerang berulang kali negara kita ini dan mengancam nyawa rakyat jelata dari masa ke semasa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Selepas terjadinya wabak demam denggi pada tahun 1973, Kementerian Kesihatan telah merangka satu Pelan Tindakan untuk mencegah dan mengawal penyakit denggi. Pelan ini mengandungi berbagai strategi dan aktiviti-aktiviti tertentu yang perlu dijalankan untuk mencegah wabak sebelum ianya berlaku dan mengawalinya setelah berlaku. Mengikut sifat semulajadi penyakit ini sepertimana yang diperhatikan semenjak ianya dikesan di negara ini lebih kurang 20 tahun dulu, strategi-strategi dan aktiviti-aktiviti ini hendaklah dipergiatkan pada masa sebelumnya sesuatu wabak dijangka berlaku.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan mengikut Pelan Tindakan ini ialah:

- (1) Mengadakan pengawasan ke atas kejadian kes dan kematian di seluruh negara, dan juga pembiakan dan kepadatan (density) nyamuk Aedes yang menjangkitkan penyakit ini.
- (2) Menyasiat kes-kes denggi yang dilaporkan dan mengambil tindakan segera untuk menghentikan jangkitannya dengan membunuh nyamuk dewasa melalui penyemburan

atau pengasapan dengan menggunakan ubat-ubat serangga yang sesuai pada jarak masa yang tertentu.

- (3) Memberi nasihat kepada orang ramai melalui mass media dan pertunjukan mengenai cara-cara mencegah pembiakan nyamuk Aedes dan langkah-langkah yang perlu diambil apabila denggi disyaki.
- (4) Menguatkuasakan undang-undang Pemusnahan Serangga-serangga Pembawa Penyakit 1975 termasuk pemeriksaan rumah, nasihat kepada tuan punya rumah, mengkompaun kesalahan dan pendakwaan di mahkamah.

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ini penglibatan Kuasa-Kuasa Kerajaan Tempatan adalah mustahak. Pelan Tindakan Kementerian saya mengandungi cara-cara penglibatan dan Koordinasi dengan Kuasa-kuasa ini.

Selain dari strategi-strategi di atas, Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk menyatukan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit yang dijangkiti oleh vektor-vektor serangga seperti malaria, untut dan denggi, untuk menjadi satu rancangan yang dinamakan Rancangan Mengawal Penyakit-penyakit Dibawa Vektor atau "Vector Borne Disease Control Programme" di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Ini akan memastikan pendekatan yang lebih berkesan dan berintegrasi untuk mencegah dan mengawal penyakit-penyakit yang dijangkitkan dengan cara yang sama iaitu gigitan vektor serangga terutamanya nyamuk.

Dalam perkara menghapuskan atau mengawal penyakit-penyakit berjangkit seperti ini, saya harus juga menegaskan bahawa kesedaran dan kerjasama dari orang ramai adalah amat penting. Rancangan-rancangan yang diaturkan oleh Kementerian akan bergantung besar kepada peranan orang ramai itu.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— PERUNTUKAN WANG

22. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa jumlah wang yang diperuntukkan kepada pembangunan infrastruktur kampung-kampung baru adalah tidak mencukupi;
- (b) jika ya, bolehkah Menteri memastikan bahawa permintaan bagi bantuan kewangan untuk pembangunan kampung-kampung baru daripada Majlis-majlis Daerah melalui Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing dibayar dengan penuhnya sepanjang baki tempoh Rancangan Malaysia Keempat; dan
- (c) tiada jumlah wang yang ditentukan bagi setiap 465 buah kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia bagi penyelenggaraan jalan-jalan dan longkang-longkang. Ini adalah satu hakikat bahawa infrastruktur yang dibinakan di mana-mana mesti diselenggarakan untuk memastikan bahawa perkhidmatan seperti itu adalah boleh dipakai setiap masa. Bolehkah Menteri memberitahu Dewan sama ada beliau memperuntukkan dengan istimewanya wang-wang bagi penyelenggaraan infrastruktur dalam setiap kampung baru.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, tidaklah boleh dianggap jumlah wang yang diperuntukkan kepada pembangunan infrastruktur kampung-kampung baru adalah tidak mencukupi. Sepertimana yang pernah saya terangkan dalam mesyuarat Dewan yang mulia ini semasa menjawab soalan-soalan bagi projek-projek pembangunan kampung baru, pembangunan infrastruktur di kampung-kampung baru adalah

dilaksanakan oleh beberapa agensi Kerajaan mengikut bentuk projek yang ingin dilaksanakan. Kementerian saya hanya menolak tambah atau "supplement", kerja-kerja agensi-agensi ini, dengan peruntukan pembangunan bagi projek-projek kecil di kampung-kampung baru tertentu. Daripada peruntukan \$5.7 juta bagi tahun 1979, sebanyak \$3.02 juta atau 53% telah diperuntukan untuk pembangunan infrastruktur asas seperti jalan, jambatan, titi, parit, longkang serta pembekalan letrik dan air. Pada tahun 1980 pula, daripada peruntukan \$10.8 juta, pembangunan infrastruktur asas telah menelan peruntukan sebanyak \$5.9 juta atau 54.6% daripada peruntukan tahun tersebut dan pada tahun 1981 sebanyak \$4.1 juta atau 51.2% daripada peruntukan \$8 juta untuk tahun tersebut.

- (b) Semua permintaan dan permohonan bagi bantuan kewangan untuk pembangunan kampung-kampung baru daripada Majlis-majlis Daerah melalui Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing sememangnya dipertimbangkan untuk perlaksanaan mengikut peruntukan yang sedia ada. Jumlah peruntukan yang diberi kepada kampung-kampung baru melalui saluran ini adalah merupakan sebahagian yang diberi kepada Majlis Daerah dimana kampung-kampung baru tersebut diletakkan.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya penyelenggaraan jalan-jalan, longkang-longkang serta kemudahan asas lain di kampung-kampung baru tidak dibiayai daripada peruntukan pembangunan di bawah Kementerian saya. Penyelenggaraan infrastruktur di Kampung-kampung baru adalah di bawah tanggungjawab negeri-negeri masing-masing melalui pihak Penguasa Tempatannya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya ada juga meluluskan

projek-projek membaiki jalan dan longkang atas permintaan penduduk kampung baru tertentu, apabila telah dipastikan keadaan jalan dan longkang berkenaan adalah terlalu buruk.

KELAB UMNO DI LUAR NEGERI

23. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kelab-kelab UMNO yang ditubuh di luar negeri itu mendapat kelulusan dari pihak Pendaftar Pertubuhan dalam negeri sehingga dapat menghantar wakilnya ke dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Kelab-kelab UMNO di luar negeri adalah merupakan persatuan-persatuan kebajikan yang ditubuhkan atas daya usaha pelajar-pelajar Melayu di luar negeri untuk menjaga kebajikan ahli-ahlinya semasa berada di luar negeri. Penubuhannya tidak perlu mendapat kelulusan pihak Pendaftar Pertubuhan kerana ianya tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981.

Mengenai kehadiran wakil-wakil kelab ini ke Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, sukalah dinyatakan di sini bahawa mereka itu hadir hanya sebagai pemerhati sahaja. Adalah menjadi hak UMNO untuk mengundang sesiapa sahaja yang mereka fikirkan patut untuk hadir sebagai pemerhati di perhimpunan anjurnya itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Oktober 1982)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersetentangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (26hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.44 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I was yesterday talking about the problems of Sarawak, the rural poverty and urban under-development. The Local Authorities in Sarawak are different from the Local Authorities in the Malaya Peninsula. Apparently, again there are some constitutional constraints so that many of the Local Town Councils were actually elected in 1963 and were holding office until early this year when there was a restructuring undertaken by the Federal Government after a constitutional amendment. Now, after 19 years in office the Town Councils have actually caused decay of the towns by not paying much attention to the development of the towns, especially in anticipating large urban/rural drift. The much awaited

restructuring of the Local Authorities undertaken in conjunction with the federal Government, however, did not bring the benefits that were supposed to come with the restructuring and there is still now a tremendous shortage of funds.

Now, most facilities in the Sarawak towns date back to many years. Take, for instance, the market in Kuching, Tuan Yang di-Pertua. It was built in 1933 and there have not been any major renovations. As a matter of fact, very few markets have been built over the last 19 years since Merdeka and the old ones are simply left to rot and they are becoming eyesores, health hazards to the public; the bus terminals, for instance, were built decades ago, so were the Council flats in Kuching. As a consequence of shortage of facilities to accommodate growing needs the problem of illegal hawkers has also increased in extent and in volume causing traffic obstruction and unhealthy competition with licensed hawkers. In the face of this snowballing social problem of illegal hawkers in Sarawak towns, the Local Council with a shortage of funds, continue to only take a firm stand in prosecution, control and confiscation of goods without a far sighted plan to their socio-economic resettlement. Meanwhile in Sarawak towns, roads, sewage and the drainage system run crazy. Councils are making *ad hoc*, piecemeal short-term remedial actions that do not solve the problems at all. As a result of the unhealthy environment, traffic jams are now as much a part of life for the Sarawak urban dwellers as the rising cost of living.

Tuan Yang di-Pertua, educational facilities are also far from adequate to meet the rapidly increasing needs in the Sarawak towns. There is tremendous demand for Chinese primary education and yet in Kuching there has not been a single new primary school in addition to the five existing ones built before Merdeka time. Each year the number of applicants for admission far outnumber the places available and classes are beginning to swell, sometimes to as many as 55 to one single class. If you have 55 students to one class, Tuan Yang di-Pertua, it is imaginable that any new curriculum, 3M or 5M will not solve the

problem—it is the 3M curriculum under the 2M administration which makes 5M. What we need in Sarawak's educational system is "Vitamin M" to build more schools, to build more classrooms. The existing Chinese primary school which have become the last bastion of Chinese education in Sarawak are inherited from colonial times. Most of them are in a very rotten and dilapidated condition with ancient facilities.

There is also an acute shortage of qualified teachers to teach in such national type primary schools as the various training colleges do not accept students from Chinese Middle Schools for teachers' training. When the present batch of old teachers are retired it is possible that Chinese Primary education may die a natural death in Sarawak. So I appeal to the Minister of Education, who is from Sarawak himself, to honour the Government pledge that Chinese primary education shall continue to exist as long as the Chinese want it. I appeal to the Minister to direct his Ministry to take a long hard look at the poor treatment given to Chinese primary schools in Sarawak and to study the various critical problems which the Member from Sibu and myself submitted to him in a Memorandum just a few months ago. Above all, there must be more development funds, allocations for repairs and renovation of existing schools as well as building new ones for areas with high population concentration. These and other social problems under the jurisdiction of Local Authorities are now strangling the town dwellers of Sarawak, impairing their quality of life as well as turning their peaceful towns into mad shanty human habitations.

Tuan Yang di-Pertua, I urge the Government to give top priorities to urban development in Sarawak. Estimates for urban projects such as new hawker markets, new bus terminals and general improvements have been submitted by the Sarawak Ministry of Local Government to the Federal planners for inclusion under the Fourth Malaysian Plan. Unfortunately not a single cent was allocated and many of these projects have

been shelved, although token capital grants have been given to the Council for specific projects.

Now, with an austerity drive on, with this cut back of 20 percent in development expenditure under the 1983 Budget, we can expect the problem of Sarawak towns and rural dwellers to be even more pronounced. So there is even less chance of the Federal Government helping the Sarawak people both in poverty eradication as well as urban development, thereby entrenching prejudices in certain Sarawak quarters that Sarawakians have been forgotten by the power centre in Kuala Lumpur. Due consideration must be given to the peculiar conditions of Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Her peculiar problems must be considered concerned with development especially so that special attention can be given to the State.

I also appeal to the Barisan National Government as a gesture of sincerity in integrating regional imbalances between Peninsular Malaysia and Sarawak to raise oil royalties from the present 5% to 10% due to the State so as to boost income to the State Government Treasury for much needed development funds on socio-economic projects. After all, exploitation of Sarawak's rich resources should give the people of the State a fair share of the cake especially when it produces about on-third of the nation's crude oil.

Tuan Yang di-Pertua, the State of Sarawak has tremendous economic potential. There is no shortage of land and natural resources and the extent and richness of these natural resources has still not been determined because of lack of proper study and assessment but Sarawak will play an increasingly important role in the national economy of Malaysia by virtue of her one most valuable asset—Sarawak has a tremendously rich store of energy. Even now, I speak without fear of contradiction that the petrol dollars from Sarawak has become the backbone, that props up, supports and diminishes our national deficit in our balance of payments and with the liquified natural gas project in Bintulu coming on-stream early

next year, Sarawak's contribution to the national economy will become even more prominent. But these sources of energy are non-renewable energy resources they would deplete in time, in fact in the foreseeable future, perhaps within this century itself. So prudence must be exercised so as not to over-produce; over-tax in the Government's desire to increase export revenue. I note that the production of the high grade Miri Crude has been increased over the last year and I urge the Government not to kill the goes that lays the golden eggs.

More valuable than the two above sources of energy is Sarawak's tremendous potential for hydro-electric power. Although not as readily exportable as petroleum and natural gas, hydro-electric power can give a new lease of life for domestic industries in the energy hungry world.

The Batang Air hydro-electric project is now underway and I understand that feasibility studies have also been conducted on the possibility of a much bigger hydro-electric project in the Pelagus area in the 7th Division in Sarawak. In fact, it is speculated that the Pelagus hydro-electric project has capacities sufficient to meet present and future needs of the whole state of Sarawak with plenty to spare. Speculations have also been kicked around that some of this spare hydro-electric power may be transferred by some means over to Peninsular Malaysia, to Singapore and to Indonesia. Whether that is true or not, time will tell.

The other important question still to be dealt with though, and wisdom must preside over our desire for quick economic returns, is that for hydro-electric projects, large areas of virgin land must be cleared and flooded. Tuan Yang di-Pertua, we must ask ourselves the question: "Would we be doing enough to maintain ecological balance in the surrounding areas so as to leave natural beauty and natural harmony which we have inherited to our children?" Also for hydro-electric projects, land must be claimed and the surrounding Dayaks, the natives, must be resettled. Would they lose their traditional way of live, their identity in the process of

resettlement? Perhaps some of my colleagues from Sarawak, though from the Barisan camp, can tell this House more about this. But still hydro-electric energy is preferable to hydro-carbon energy. It is clean, it does not pollute and, above all, it is renewable, unlike the petroleum industries. By using hydro-electric energy, we will at least leave to our children a Sarawak—not one that has been wrecked of its soul and essence leaving only an empty shell which would be the case with petroleum extraction. By using hydro-electric energy, we will be leaving to our children the legacy of wealth and development, a renewable clean source of energy.

I note that the Federal Government is now seeking approval from this House for two loan agreements. One loan agreement is with a conglomeration of Japanese banks to the tune of 8.1 million Japanese yens, and the other is with the Asian Development Bank to the tune of 40.4 million dollars in multi-currencies. Both are for the purpose of developing the hydro-electric project in Batang Air, some distance from Lubok Antu in Sarawak. Now the loan agreements have Sarawak Electricity Supply Corporation, what we call SESCO for short, as the principal borrower and the Federal Government of Malaysia as guarantor. Perhaps it is because of the tremendous economic potential—Sarawak hydro-electric energy—that the Federal Government has undertaken to guarantee the loan and perhaps the Federal Government feel that since they are undertaking ultimate financial responsibilities for this proposal, that there is now at the talking stage the Federal Government's take-over of the Sarawak Electricity Supply Corporation. The SESCO so far has been a statutory body under the jurisdiction of the State Government of Sarawak and it has been responsible for the production and supply of electricity in the State. So the Federal take-over proposal comes as quite a shock to many people in Sarawak because to many Malaysians living in Sarawak, Federal take-over is a dirty word, Tuan Yang di-Pertua. Sarawakians have become cynical because they have always been givers but never takers, just as we in Sarawak have to pay "an arm and a leg" for

car petrol in spite of the fact that Sarawak produces one-third of the nation's crude—as compared to Brunei prices. We also cynically enough expect to pay more for electricity once the hydro-electric project comes on-stream.

Tuan Yang di-Pertua, let me suggest that there are imbalances in the Barisan development strategy in Sarawak that need rectification. Right now, development in Sarawak is concentrated on capital-intensive projects particularly the one in Bintulu. Agricultural schemes are also very localised. The net effect is that impression is given to Sarawak people that natural wealth is siphoned and sucked off to the so-called national economy while there is very little benefit to be returned to the people of Sarawak, especially the rural dwellers—the Dayaks. I suggest that especially in the energy industries in Sarawak, there must be more benefit to the Sarawakians themselves, both directly as downstream activities or indirectly as more allocation for poverty-eradication and urban revitalisation and redevelopment. For instance, Government could seriously consider building one or more refineries in Sarawak to produce the countless by-products of hydro-carbon crude—fertilisers, pharmaceuticals, plastics, etc. which are some of the easy instances that come to our mind. Oil royalty due to Sarawak can be increased for the much-needed funds. More projects in manufacturing and heavy and light industries may be sited in Sarawak due to the availability of hopefully cheap hydro-electricity expected in the future. Until that can happen, the people in Sarawak will continue to feel that they are the "Cinderallas" of Malaysia and there is always a dangerous under-current of feelings.

Tuan Yang di-Pertua, let me make this point very clear I will not bring this point to the public in ceramahs or in newspapers but I will bring it to this House because this is the correct forum. There is a very dangerous underlying current of feeling among some Sarawakians that Sarawak perhaps may be better off without Malaysia. After all, if Brunei can do it, why can't Sarawak? This is

dangerous; these are treasonable thoughts and we condemn it because in spite of the injustices and many imbalances in our country, I still believe that we can only survive as Malaysians. So we do not condone this attitude. We are Malaysians. But only when the Federal Government and the Sarawak Barisan Government can re-think about their policies and development strategies, about the problems of Sarawak not as the local development problem of one single State but as a problem of nationhood, of how to integrate people from various regions into one great country, then maybe perhaps we can start again on the job of building a Malaysia from different parts. Now the Sarawak Government, of course, is partly to be blamed; it has been lethargic for a long time.

To conclude, Tuan Yang di-Pertua, I just quote instances where the Sarawak Government has failed in its duty towards considering the problems of the people as the first and final problem. In spite of the current appeal on the part of the Federal leaders to save money, to cut costs while on an austerity drive so that we can sort of tighten up our belts, grit our teeth and get through this difficult time, in spite of that, the State Government of Sarawak has recently purchased one single car costing 204,000 pounds sterling, close to M\$1 million—for one single car. The car is a Rolls-Royce Phantom VI. Now the car was supposed to be used for official functions. We do not deny our leaders and our Rulers the chance to use good cars for official functions, but in 1979 when the Rulers' Conference was held in Kuching, the State Government of Sarawak already spent \$1.7 million buying seven Rolls-Royce in 1979 for use in that Conference and I am given to understand that quite a few, in fact up to 4 of those Rolls-Royces, are still around, doing nothing, sitting there gathering dust and rot. So easily one of those few remaining Rolls-Royces can be used. What is the point of buying this new car that cost M\$1 million when the pepper farmers, the Dayak farmers are actually on the brink of starvation? I have written a letter to the Prime Minister to ask him for his response last month; I have yet to hear from him about

his stand. So much for a Government that is clean, efficient and trustworthy. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Alor Setar.

3.57 ptg.

Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Sebagaimana kita semua sedia maklum bahawa Belanjawan pada tahun ini tiada bergemerlapan dan menggemirakan seperti Belanjawan yang telah lalu, tidak sama seperti tahun-tahun yang lampau di mana bahan-bahan utama kita menghasilkan harga-harga yang tinggi. Namun demikian, jika kita memandang akannya dari segi objektif, kita masih dapat memperolehi kadar anggaran pertumbuhan ekonomi sebanyak 6% bagi tahun 1982, sedangkan masih didapati banyak negara-negara yang telah maju yang tidak dapat menjanakan pertumbuhan ekonomi sama sekali walaupun pelaksanaan ekonomi negara kita pada masa sekarang ini tidak seperti yang diharap-harapkan oleh sebab kemelesetan ekonomi dunia. Saya menaruh penuh keyakinan bahawa dengan perancangan yang berhati-hati oleh sektor awam dan dengan bantuan sektor swasta dapatlah kita mempercepatkan pertumbuhan ekonomi kita di tahun-tahun yang akan datang.

Kerajaan kita patut mengambil langkah-langkah yang berkesan (effective) dengan serta-merta untuk berikhtiar dan bersungguh-sungguh mencari jalan bagi mendapatkan pasaran yang lebih luas dan pesat bukan sahaja di negara-negara yang telah maju, tetapi juga di negara-negara yang kurang maju bagi bahan-bahan utama kita dan pengeluaran-pengeluaran perkilangan kita. Dan bagi di dalam negeri pula, kita patut memberi galakan-galakan kepada

perindustrian-perindustrian tempatan yang menggunakan bahan-bahan mentah kita dengan baik dan cekap.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kita semua sedia maklum bahawa penyeruan berbilang kali oleh negara-negara dunia ketiga kepada negara-negara yang telah maju di dalam beberapa persidangan iaitu persidangan dan perundingan dunia seperti Persidangan Kemuncak Cuncun, Dialog Utara dan Selatan, Masyarakat Ekonomi Eropah, Perundingan-perundingan Negara-negara Dunia Ketiga, Perjanjian Timah Keenam, Perjanjian Berbagai Serabut (Multi-Fibre Agreement) ini untuk menamakan beberapa sahaja di antara persidangan yang banyak itu.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja sekalian ini setakat tiada mendatangkan sebarang kesan, sebenarnya telah bertumbuh kecenderungan ke arah amalan perlindungan di antara negara-negara yang telah maju dengan berpura-pura berdasarkan perkataan perlindungan, suatu istilah am digunakan bagi melongkok ke atasnya segala penahanan import, pembatasan-pembatasan eksport, perjanjian perniagaan di antara dua pihak sahaja dan lain-lain tindakan negara-negara yang telah maju telah menegah kemasukan barangan-barangan yang diusahakan oleh negara-negara yang kurang maju untuk melindungi perindustrian-perindustrian di dalam negeri yang menyukarkan itu.

Barangkali Malaysia bersama-sama negara-negara ASEAN dan lain-lain negara yang kurang maju patut mengambil daya utama bagi menyakinkan negara-negara yang telah maju supaya menambahkan tindakan-tindakan perlindungan bagi kebaikan umat manusia di dunia ini, maka kecuali langkah-langkah seperti ini diambil, dunia dan perdagangan akan mengalami penderitaan yang berlanjutan, mengakibatkan kerugian bukan sahaja kepada negara-negara yang kurang maju seperti Malaysia tetapi juga kepada negara-negara yang telah maju.

Oleh sebab negara kita pada masa ini sedang mengalami saat-saat yang sukar, barangkali kita dapat menumpu masalah penggunaan bahan-bahan mentah kita. Kerap kali kita tiada ambil hirau akan berbagai-bagai penyelidikan dihasilkan oleh penyelidik-penyelidik kita berkenaan dengan peredaran semua sisa-sisa pertanian. Tujuan pada keseluruhannya ialah memperdedahkan semula sisa-sisa pertanian iaitu bukan sahaja untuk mengeluarkan sisa-sisa tetapi pada masa yang sama ia boleh mengurangkan pencemaran alam sekitar yang amat perlu di masa sekarang.

Kita sekalian sedia maklum bahawa negara kita ialah pengeluar utama bagi hasil-hasil pertanian dan perhutanan tetapi amalan pertanian dan perhutanan kita sangatlah kekurangan pada kecekapannya dan amatlah banyak sekali sisa-sisa yang ditinggalkan. Misalnya, di dalam negeri Kedah dari mana saya datang, kami mengeluarkan 40% daripada jumlah beras yang digunakan di dalam negara kita. Tidaklah payah saya tegaskan banyaknya wang asing dapat dijimatkan seperti yang disebut-sebut berulang kali di dalam Dewan yang mulia ini tetapi walaupun begitu Kerajaan kita tiada dapat menjalankan daya upaya yang bersungguh-sungguh untuk menolong negeri saya itu berkaitan dengan penggunaan sisa-sisa pertanian dengan baik dan cekap seperti jerami dan sekam. Tahun demi tahun kesemua sisa-sisa pertanian ini cuma dibakar hangus begitu sahaja.

Jika sisa-sisa ini digunakan dengan cara yang baik, petani-petani di dalam negeri ini boleh memperolehi lagi satu punca pendapatan daripada bergantung kepada bantuan subsidi daripada Kerajaan.

Bercakap mengenai skim subsidi padi, kita semua sedia maklum bahawa tujuan utama skim ini ialah untuk menolong para petani, tetapi cara pelaksanaannya berkehendakkan pengkajian semula oleh sebab terdapat banyak jalan keluar di dalam skim ini yang membolehkan tuan-tuan tanah yang tinggal jauh dari tanahnya mendapat faedah dan menambahkan keburukan masalah ini, pegawai-pegawai yang diambil berkhidmat di

pusat-pusat tiada kemahiran atau pengetahuan berkenaan dengan perusahaan padi dan beras dan kerap kali mereka itu para petani tiada menerima faedah yang dimaksudkan untuk mereka. Barangkali sudah tiba masanya bagi kita mengambil tindakan-tindakan yang berkesan atau efektif untuk membaiki skim ini.

Kita sedia maklum bahawa bahan-bahan perhutanan kita, khususnya kayu balak merupakan sumber yang penting bagi kekayaan negara kita iaitu pencari matawang asing tetapi akibat sistem pembalakan kita tiada berkecekapan dari itu amat banyak sisa-sisa perhutanan seperti bahagian sebelah atas pokok-pokok, dahan-dahan, daun-daun, akar dan juga termasuk pokok-pokok jenis kecil serta jenis-jenis tiada nilai komersial ditinggalkan begitu sahaja.

Berdasarkan purata lebih kurang 150 tan pokok pada satu hektar. Penebangannya menghasilkan cuma 17.6% tan pada satu hektar maka ini bermakna 133.4% menjadi sisa sahaja. Perindustrian utama Semenanjung Malaysia juga meninggalkan banyak benar sisa-sisa iaitu berjumlah 3 juta tan lebih kurang 30% kebanyakannya merupakan abuk kayu terbengkalai tetapi sisa-sisa ini boleh dialih dengan jimatnya kepada tangga.

Penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik telah mewujudkan menggunakan kayu getah sebagai perabut. Lain-lain penggunaan ialah sebagai kayu api dan bahan mentah untuk membuat arang tetapi dalam pada itu 1.1 juta tan menjadi sisa yang sepatutnya dijadikan sebagai pengeluaran tenaga.

Memandangkan kepada kemelesetan pada masa sekarang ini yang mengakibatkan kesulitan ekonomi kita oleh sebab kejatuhan harga-harga bahan utama kita, Kerajaan patut memperbuat apa juga yang boleh dengan sepenuh daya usaha dari segenap penjurong serta berikhtiar dan mencari jalan supaya sisa-sisa pengeluaran di dalam apa rupa bentuk sekalipun dan daripada ada jua punca dipergunakan sepenuhnya bagi

tujuan atau tujuan-tujuan yang berfaedah dan menguntungkan, kerana saya berkeyakinan jika kita memperhatikan atau memberi penumpuan atau pemikiran yang bersungguh-sungguh kepada apa juga sisa-sisa dari pengeluaran-pengeluaran kita walau bagaimanapun pada satu masa nanti kita kelak mendapat suatu penggunaan daripadanya yang pelik memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak iaitu rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerantut.

4.10 ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad (Jerantut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengambil peluang dalam perbahasan Usul Belanjawan Negara tahun 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22-10-82.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lepas di dalam perbahasan usul ini Ahli-ahli dari Pembangkang khasnya daripada DAP telah membangkitkan beberapa perkara yang saya fikirkan patut dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini, khasnya Ketua Pembangkang telah membangkitkan masalah bumiputra dan bukan bumiputra sehinggakan jika orang tidak memahami betul-betul boleh mengambil makna tentang perkara ini di sebaliknya salah. Masalah-masalah ini adalah satu masalah yang sensitif.

Saya menyeru kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang supaya memahami sebenar-benarnya masalah dan hakikat usaha-usaha Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup dan juga penyertaan perniagaan bumiputra.

Dalam Dasar Ekonomi Baru, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan satu soalan kepada Ahli-ahli DAP khasnya Ketua

Pembangkok, siapakah atau golongan manakah yang sebenar-benarnya mendapat keuntungan yang lebih daripada pelaksanaan dasar ini? Kita ambil sahaja contoh beberapa kedai-kedai lama telah dirobokkan untuk didirikan kompleks-kompleks perniagaan seperti Pertama Kompleks, Ampang Park, Wisma Central, Sungei Wang Plaza, Bukit Bintang Plaza dan sebagainya. Dan siapakah peniaga-peniaga di sana yang ramai? Di Pertama Kompleks khususnya, Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga bumiputra berniaga di belakang sekali dan gerai-gerai di hadapan siapakah yang berniaga? Dan banyak contoh-contoh yang lain lagi. Maka dengan itu saya menyeru kepada pihak Pembangkang khususnya anggota DAP lihatlah di sekeliling Kuala Lumpur, lihat di sekeliling kita penyertaan siapa? Siapa yang lebih beruntung dan berfaedah daripada Dasar Ekonomi Baru?

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Saya izinkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia beri jalan. Ya, Yang Berhormat teruskan. Beri kebenaran, Yang Berhormat?

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Ya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak menjelaskan, kita dalam DAP menyetujui dengan dasar untuk memberi peluang kepada orang-orang Melayu. Tetapi kita hanya menekankan bahawa kek ekonomi hendak diperbesarkan dan agihan itu hendak diberi kepada tiap-tiap kaum supaya tidak wujudnya kekecewaan dan ketidakpuasan hati.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya bangkitkan di sini ialah bahawa meskipun Dasar Ekonomi Baru ini menguntungkan bumiputra, dia juga tidak merampas hak-hak kaum lain di dalam haknya masing-masing.

Saya bangkitkan perkara ini terutamanya Ketua Pembangkang ada menyebut satu perkataan semasa menerangkan Hotel Jaya Puri diambilalih oleh PERNAS menjadi P. J. Hilton pada ketika ini. Beliau telah menyatakan bahawa telah merampas hak-hak bukan bumiputra terutamanya dalam pekerjaan, jadi saya menyeru sambil menjelaskan perkara ini kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan contoh-contoh penyertaan bumiputra ataupun bukan bumiputra ini hendaklah diambil secara menyeluruh, secara total, tidak mengambil satu-satu contoh yang spesifik seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kepong juga dalam perbincangan ini telah menggunakan satu perkataan yang pada pendapat saya ialah sangat kasar perkataan itu iaitu perkataan "bodoh", Belanjawan yang bodoh, Yang Berhormat Mulia dan sebagainya yang bodoh di dalam membentangkan Anggaran Belanjawan ini.

Pada pendapat saya, tuan Yang di-Pertua, perkataan ini adalah sangat kasar maknanya, budak kecilpun tahu perkataan ini memberikan implikasi yang sangat buruk. Jadi satu perumpamaan untuk Yang Berhormat kerana Yang Berhormat yang berkenaan selalu berpantun, saya berikan satu perumpamaan:

"Hanya orang yang bodoh sahaja yang biasanya mengatakan orang lain itu bodoh." (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli DAP dari Bandar Kuching juga membangkitkan masalah ucapan beliau dalam bahasa Inggeris. Kita tidak menafikan peruntukan Perlembagaan boleh bercakap dalam Bahasa Inggeris bagi Ahli-ahli daripada Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun rakan saya daripada Matang meminta apa yang dikatakan dalam perumpamaan Bahasa Melayu: Kalau hendak seribu daya, kalau tidak hendak seribu dalih. Lebih kurang begitulah perumpamaannya, bermakna kemampuan usaha yang bersungguh-sungguh Ahli Yang Berhormat itu yang dipertikaikan di sini. Dalam memberikan ucapan dalam

Bahasa Malaysia tidak dipertikaikan, dari segi hak. Saya tertarik pula di dalam masa soal jawab pada dua tiga hari yang lepas Ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah bercakap bahasa Malaysia dengan baiknya apabila menanya satu soalan tambahan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tuan Yang di-Pertua.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat daripada Kepong minta Yang Berhormat.....

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak memberi jalan oleh kerana ucapan saya ini panjang lagi, belum masuk lagi Belanjawan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Ini permintaan atas tertib mesyuarat.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Saya benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebutkan point of order itu.

Dr Tan Seng Giaw: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: What is the number? Yang Berhormat duduk sekejap! Saya ingin memberi sedikit penjelasan di sini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada beberapa hari dahulu telah berlaku mana-mana Ahli Yang Berhormat bangun atas point of order atau tertib mesyuarat, tetapi tidak dibenarkan oleh kerana saya nampak beberapa kali apabila seseorang Ahli Yang Berhormat bangun atas point of order atau tertib mesyuarat baru cuba hendak mencari Peraturan Mesyuarat. Oleh kerana itu daripada sekarang saya tidak benarkan sesiapa pun Ahli Yang Berhormat bangun tidak bersiap dengan point of order.

Saya minta Yang Berhormat dari Jerantut menyambung ucapannya.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau hendak seribu daya, kalau tidak hendak seribu dalih, boleh belajar dan berlatih supaya boleh memberikan satu

ucapan dalam Bahasa Malaysia ini sesuai kehendak negara pada masa ini dan juga Bahasa Malaysia itu sebagai bahasa rasmi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara pada tahun 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22-10-1982 adalah satu belanjawan yang praktikal dan adil. Belanjawan 1983 telah menimbangkan dengan teliti penglibatan semua pihak, daripada pihak Kerajaan, sektor swasta dan juga pihak rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah. Belanjawan 1983 juga tidak membebankan rakyat bawahan dan bagi rakyat yang berada dan berpendapatan tinggi, Belanjawan ini akan lebih menyedarkan mereka untuk menyumbangkan peranan yang lebih besar kepada ekonomi dan negara.

Strategi belanjawan, iaitu mengukuhkan kewangan negara, mengukuhkan imbangan pembayaran dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta penyetabilan harga adalah strategi yang baik dan sangat sesuai terutamanya di zaman kemelesetan ekonomi negara akibat kemelesetan ekonomi dunia. Belanjawan 1983 juga adalah sangat sesuai pada masa ini kerana berasaskan "perbelanjaan mengikut kemampuan."

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya suka mengambil peluang di dalam perbahasan ini untuk memperkatakan beberapa perkara yang berkaitan dengan Belanjawan untuk perhatian dan pertimbangan pihak Kerajaan.

Perkara yang pertamanya ialah, dalam strategi menggalakkan pertumbuhan ekonomi salah satu caranya ialah menekankan kepada sektor pembinaan dan perumahan. Strategi ini memanglah baik yang mana pembinaan dan juga perumahan boleh mewujudkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan perdagangan yang boleh membawa kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi. Beberapa galakan kepada industri ini jelas ditunjukkan di dalam Belanjawan 1983, malahan sebagai contohnya, kewangan yang cukup akan disediakan oleh institusi-institusi kewangan dan bank-bank untuk

membiaiyai projek-projek perumahan dan pembinaan dengan penurunan kadar faedah. Kerajaan juga telah menambah target pembinaan rumah sebanyak 40,000 buah setahun sebagai tambahan kepada pembinaan sebanyak 70,000 buah rumah setahun yang telah ditetapkan dahulu. Saya yakin dengan galakan ini perusahaan perumahan akan berkembang semula.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah berjaga-jaga dan berwaspada supaya keadaan di mana kita berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi tetapi kita gagal pula di dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Maksud saya di dalam menggalakkan industri perumahan kita juga perlu memerhatikan bumiputra berupaya membeli rumah-rumah yang dibina, terutamanya di dalam keadaan kemelesetan ekonomi hari ini. Oleh itu, penekanan hendaklah kepada pembinaan rumah kos sederhana dan kos rendah. Pembinaan rumah-rumah mewah dengan harga yang mahal seperti dikawasan peranginan pantai di Pulau Pinang contohnya dan di lain-lain tempat, hanya akan mengurbankan kepentingan golongan miskin yang tidak dapat memilikinya tetapi memandangnya sahaja daripada jauh.

Perkara yang kedua ialah di dalam strategi mengukuhkan kewangan negara, salah satunya cukai import telah dinaikkan bagi tembakau dan minuman keras. Saya percaya Kerajaan akan berjaya di dalam membanyakkan hasil negara oleh kerana bertambahnya cukai. Selain dari itu, tujuan Kerajaan ialah bagi mengurangkan amalan merokok dan meminum minuman keras yang membahayakan kesihatan. Bagi tujuan yang kedua ini saya kurang yakin akan mencapai kejayaan. Ini adalah kerana pengeluar-pengeluar dan juga penjual-penjual akan mengubah strategi pemasaran bagi mengatasi kenaikan harga akibat kenaikan cukai import. Pendedahan bahan-bahan tersebut adalah sangat luas. Minuman keras dan rokok ada dijual di mana-mana dan boleh dapat di mana-mana sahaja ataupun senang didapati. Hinggakan baharu-baharu ini terdapat murid-murid sekolah telah membeli dan meminum beer di dalam plastik yang dijual dengan harga yang rendah, kalau tidak

silap saya 70 sen, Tuan Yang di-Pertua. Ramai pula murid-murid sekolah menghisap rokok pada masa ini kerana terlalu senang didapati, turun daripada bas terus ada gerai yang boleh jual rokok. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya satu strategi yang kemas patut diadakan bagi mengurangkan amalan merokok dan meminum minuman keras ini. Malahan di setengah-setengah negara peraturan dibuat di mana hanya tempat-tempat dan kedai-kedai tertentu sahaja menjual bahan-bahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, saya ingin memperkatakan tentang penyusunan semula syarikat asing. Di dalam Belanjawan negara tahun 1983, peranan sektor swasta telah ditekankan bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara. Oleh itu, peranan sektor swasta makin penting di dalam ekonomi negara kita. Semenjak zaman sebelum merdeka lagi banyak syarikat-syarikat asing menjalankan perniagaan di Malaysia di dalam bidang pembuatan, perkilangan, bank dan perusahaan insuran serta berbagai-bagai lagi.

Sebagai contohnya, sehingga penghujung bulan Jun, 1982 jumlah bank perdagangan yang menjalankan perniagaan di negara ini ialah 38 buah dan 17 buah darinya—saya ulangi 17 buah darinya ialah bank yang ditubuhkan di luar negeri ataupun bank asing.

Bagi perusahaan insuran pula sehingga 30hb September, 1982 jumlah kesemuanya ialah 65 buah, di mana 23 buah daripadanya adalah syarikat asing.

Begitu jugalah banyak syarikat-syarikat besar yang didaftarkan di Pasaran Saham Kuala Lumpur adalah syarikat asing.

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, syarikat-syarikat asing dikehendaki mengadakan penyusunan semula seperti menambahkan milik saham (equity) rakyat tempatan. Walaupun banyak lagi syarikat-syarikat asing yang tidak melaksanakan arahan ini, tetapi nampaknya kecenderongan syarikat-syarikat asing dalam membanyakkan milik saham tempatan ini menggalakkan.

Sebagai contoh sehingga hari ini, paras penyertaan ekuiti oleh rakyat Malaysia dalam syarikat-syarikat insuran adalah dianggarkan sebanyak \$125.2 juta ataupun 62.2%.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cuba tekankan di sini ialah usaha ke arah penyusunan semula ekuiti syarikat-syarikat asing mungkin akan berjaya jika dilihat kepada perkembangan yang ada pada hari ini. Tetapi apa yang lebih penting di dalam penyusunan semula syarikat-syarikat asing beliau daripada ekuiti yang hendak disusun juga ialah pengurusannya (management control). Walaupun syarikat-syarikat asing telah membanyakkan ekuiti rakyat Malaysia, tetapi jika pengurusan syarikat-syarikat itu 100% ataupun sebahagian besarnya dikawal oleh orang asing, saya percaya adalah sukar untuk mencapai cita-cita dan hasrat negara kita. Sebaliknya, meskipun syarikat-syarikat asing itu 100% ekuitinya milik asing, tetapi pengurusannya terdapat penyertaan rakyat Malaysia yang besar, saya percaya ia akan membawa faedah kepada negara kita sesuai dengan cita-cita dan hasrat negara kita. Sebagai contohnya, beberapa tahun yang lalu sebuah Kompleks Perakayuan Kerajaan telah diamanahkan kepada sekumpulan pakar pengurusan luar negeri yang difikirkan pada ketika itu sangat pandai mengurus kompleks perakayuan itu. Apa yang terjadi ialah syarikat perakayuan tersebut mengalami kerugian yang teruk hingga kesannya pada hari ini. Inilah satu contoh bahawa pengurusan itu ialah satu faktor yang penting dalam sesebuah syarikat. Satu contoh yang lain adalah seperti berikut: Salah satu matlamat Dasar Kewangan negara ialah untuk memastikan yang kredit bank disalurkan dengan mencukupi kepada sektor-sektor yang diberi keutamaan di dalam ekonomi pada kos yang berpatutan.

Sektor-sektor yang diberi keutamaan itu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan termasuklah masyarakat bumiputra, perusahaan-perusahaan kecil dan juga perusahaan makanan pertanian. Satu garis panduan telah diperkenalkan pada bulan Mac, 1981 dan juga bulan Mac, 1982 untuk mencapai matlamat ini. Di bawah garis panduan ini bank-bank perdagangan

dikehendaki memberikan sekurang-kurangnya 18% dari jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada 31hb Disember, 1981 kepada masyarakat bumiputra dan 12% kepada perusahaan kecil.

Bank-bank perdagangan juga dikehendaki mengeluarkan 5% daripada pinjaman yang belum dijelaskan pada 31hb Disember, 1980 dalam bentuk pinjaman di bawah Skim Pinjaman Khas, yang mana salah satu syaratnya, pinjaman itu tidak memerlukan cagaran. Tetapi apa yang terjadi sambutan dari bank-bank asing tidak memuaskan. Bank-bank asing masih menghendakkan cagaran bagi pinjaman-pinjaman tersebut, malah berbagai-bagai syarat lain ditambah untuk kelulusan pinjaman-pinjaman seperti ini. Dengan ini hanya bank-bank tempatan dalam negeri sahaja yang memenuhi garis-garis panduan ini dengan sepenuhnya sedangkan bank-bank asing masih lembab dalam melaksanakan dasar ini. Dengan ini hanya bank-bank tempatan dalam negeri sahaja yang memenuhi garis-garis panduan ini dengan sepenuhnya sedangkan bank-bank asing masih lembab di dalam melaksanakan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh di atas adalah di antara contoh-contoh yang menunjukkan betapa pentingnya di dalam penyusunan semula syarikat-syarikat asing, selain daripada faktor penyertaan ekuiti rakyat tempatan faktor pengurusan (management control) rakyat tempatan di dalam syarikat-syarikat asing itu adalah satu perkara yang sangat penting. Lebih-lebih lagi kita tidak mahu syarikat-syarikat asing ini mengeneipkan Dasar Ekonomi Baru. Kita juga tidak mahu mereka mempermainkan dan merendah-rendahkan Kerajaan dan negara Malaysia. Oleh itu demi untuk mewujudkan Malaysia yang gemilang dan negara yang bermaruah Kerajaan perlu dengan segera menetapkan satu dasar yang kemas dan tegas terhadap penyusunan semula ekuiti dan pengurusan syarikat-syarikat asing.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat, saya ingin menyentuh tentang perusahaan insuran. Perusahaan insuran

adalah satu bidang yang penting di dalam ekonomi negara. Perusahaan insuran telah menyediakan satu kumpulan wang yang besar untuk pelaburan bagi pembangunan ekonomi. Perusahaan ini juga telah menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang baik bagi rakyat Malaysia.

Sebagai contoh kepada perkara-perkara itu:

Pertama, dalam tahun 1980 perusahaan insuran di Malaysia mempunyai pendapatan premium tahunan sebanyak \$1,042 juta.

Kedua, pada 31hb Disember, 1980 kumpulan wang insuran berjumlah \$2,476 juta.

Ketiga, dalam tahun 1980, 92% dari harta insuran nyawa dan 95% dari harta insuran am dilaburkan di Malaysia dalam bentuk, dengan izin, Federal Government Securities.

Keempat, seramai 8,880 kakitangan telah diambil bekerja dalam perusahaan ini dalam tahun 1980.

Pada akhir tahun 1980 sejumlah \$608 juta telah disediakan oleh sektor ini untuk pelaburan dan telah mewujudkan harta insuran am (general insurance) sebanyak \$845 juta dan telah mendatangkan keuntungan sebanyak \$46 juta daripada pelaburannya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, beberapa masalah timbul terutamanya dalam usaha pembesaran perusahaan ini dan juga pengawasan dan pengawalannya. Masalah-masalah tersebut ialah:

- (1) pertandingan di dalam industri insuran am telah mengurangkan keuntungan—underwriting.
- (2) urusan niaga perniagaan insuran di seberang laut telah menyebabkan kerugian di dalam pertukaran luar.
- (3) perusahaan insuran tidak mempunyai kekuatan teknikal yang cukup untuk memenuhi kehendak-kehendak negara.

Apa yang membimbangkan kita ialah pengaliran keluar wang negara oleh kerana perkhidmatan insuran luar negeri dan ini mengakibatkan pertukaran wang luar dan juga imbalan pembayaran. Ini jelas dilihat dari jumlah insuran semula (re-insurance) di bidang insuran am dalam tahun 1980 seperti berikut; premium insuran semula yang diinsurankan di Malaysia berjumlah \$250 juta tetapi premium insuran semula yang telah diinsurankan di luar negeri berjumlah \$190 juta. Keadaan ini mewujudkan deficit yang tidak ketara (invisible deficit) di dalam insuran asing.

Perkara-perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah disebabkan:

Pertama, insuran yang mempunyai risiko yang tinggi tidak ada keupayaan ditanggung oleh syarikat insuran di dalam negeri.

Kedua, kekurangan keupayaan insuran dan insuran semula di dalam negeri yang menarik dan menawarkan syarat-syarat yang lebih-baik seperti di luar negeri.

Akibat daripada keadaan di atas, syarikat-syarikat kepunyaan negara seperti MAS, MISC dan PETRONAS telah melanggan sebahagian dari insuran mereka di luar negeri. Oleh hal yang demikian, Kerajaan khasnya Pejabat Ketua Pengarah Insuran perlulah mengambil perhatian yang khas dan menetapkan dasar-dasar yang kemas bagi membaiki keadaan ini. Umpamanya dalam mendapatkan bahagian-bahagian yang lebih besar di dalam perdagangan antarabangsa sebagai pertukaran muhibbah daripada perniagaan insuran di luar negeri itu.

Pada keseluruhannya terdapat perubahan dan kemajuan-kemajuan yang baik di dalam perusahaan insuran di Malaysia akhir-akhir ini. Walau bagaimanapun, saya suka, Tuan Yang di-Pertua mencadangkan beberapa perkara berkaitan dengan perusahaan insuran di Malaysia untuk pertimbangan Kerajaan, khasnya Pejabat Ketua Pengarah Insuran.

Pertamanya, Syarikat Malaysia National Insuran (MNI) hendaklah menubuhkan 3 buah lagi syarikat insuran secara usahasama dengan pihak MAS, MISC dan juga

PETRONAS dan bolehlah dinamakan syarikat ini jika dipersetujui, MNI-MAS, MNI-MISC dan juga MNI-PETRONAS. Penubuhan 3 buah syarikat insuran ini akan dapat membantu perkembangan perusahaan insuran yang menguntungkan berkaitan dengan perusahaan penerbangan luar negeri, perkapalan dan juga perusahaan minyak. MNI akan mentadbir syarikat-syarikat insuran ini seperti syarikat-syarikat insuran yang lain. Ketiga-tiga syarikat ini akan secara aktif mendapatkan pertukaran perdagangan dan bahagian yang lebih besar hasil daripada keuntungan tadi.

Keduanya, cadangan saya, Kerajaan hendaklah mengadakan atau mewujudkan satu konsortium insuran dan insuran semula bumiputra. Syarikat-syarikat insuran Bumiputra yang kecil-kecil hendaklah digabungkan di dalam konsortium ini. Ini akan dapat menjamin peluang yang lebih baik di dalam industri insuran. Lesen-lesen insuran tidak digalakkan diberi kepada individu tetapi hendaklah diberi kepada konsortium ini. Dari pengalaman, didapati pemberian lesen-lesen kepada syarikat-syarikat kecil selalunya mendatangkan kerugian kepada syarikat itu. Sebagai contohnya, dalam 5 tahun yang lepas kecuali tahun 1978, 4 tahun lagi menunjukkan kerugian—underwriting, berjumlah \$42 juta dari jumlah premium sebanyak \$1,672 juta. Terlalu banyak syarikat-syarikat insuran yang mempunyai modal-modal yang kecil dan terlalu banyak pula agen-agen insuran tanpa kawalan yang berkesan. Walaupun MNI (Malaysia National Insurance) dan MNRB (Malaysia National Re-Insurance Berhad) telah banyak membantu dengan jayanya dalam konteks penyertaan bumiputra dan latihan, tetapi penekanan harus kepada mewujudkan satu pasaran yang lebih berkesan di dalam sistem pasaran bebas dan perlu kepada pendekatan secara teknikal yang lebih mendalam. Maka dengan itu adalah dicadangkan juga:

- (1) Kerajaan hendaklah menaikkan kadar keperluan modal minima dari \$5 juta kepada \$10 juta untuk menggalakkan percantuman syarikat-syarikat insuran yang kecil-kecil ini.

- (2) Mengawal dan melesenkan agen-agen insuran.
- (3) Mengadakan sistem latihan yang praktikal untuk mengadakan kakitangan mahir dan terlatih di dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang ketiga, untuk mewujudkan penyeliaan dan pengawalan Kerajaan terhadap perusahaan insuran, maka adalah dicadangkan Pejabat Ketua Pengarah Insuran diletakkan di bawah tugas Bank Negara. Pada masa ini Pejabat Ketua Pengarah Insuran (KPI) diletakkan di bahagian Perbendaharaan. Pada umumnya perkembangan-perkembangan terbaru dalam industri insuran menyebabkan tugas-tugas penyeliaan dan pengawalan menjadi lebih berat dan rumit. Ini termasuklah tugas-tugas mengkadarkan risiko; yang keduanya membuat perkiraan dan mengendalikan reserve premium yang belum diperolehi; yang ketiga pelaburan Kumpulanwang Insuran dan termasuk simpanan dengan Kerajaan; dan yang keempat pengendalian "solvency margin".

Di Malaysia dan kebanyakan negara, tugas pengawasan meliputi tugas-tugas dan bidang-bidang yang lebih luas, iaitu:

- (1) Mengendali dan mengawal pengaliran keluar wang untuk insuran semula di luar negeri;
- (2) Memperkukuhkan pasaran insuran di dalam negeri; dan
- (3) Menyalurkan Kumpulanwang Insuran untuk pembangunan ekonomi negara.

Oleh itu Pejabat Ketua Pengarah Insuran mempunyai dua tugas berasingan yang berkait rapat, iaitu:

- (1) Pengendalian kegiatan insuran dari kacamata kepercayaan pengguna;
- (2) Perkembangan industri insuran dalam negeri yang kukuh yang mana peranannya berkait rapat dengan Dasar Ekonomi negara.

Tugas yang kedua ini memberikan Pejabat Ketua Pengarah Insuran peranannya besar di dalam perkembangan insuran negara dan perhubungan insuran antarabangsa. Adalah didapati Pejabat Ketua Pengarah Insuran telah menjalankan tugas yang baik terutamanya di dalam mengumpulkan dan mengkaji maklumat perangkaan dan lawatan pemeriksaan serta sebagai sumber penggerak kepada perkembangan industri ini. Walau bagaimanapun bahagian ini sangat-sangat memerlukan kakitangan-kakitangan insuran yang berkelayakan dan mahir yang mencukupi di lapangan insuran semula, underwriting, tuntutan dan juga pengurusan risiko.

Memandangkan pentingnya tugas-tugas Pejabat Ketua Pengarah Insuran seperti yang disebutkan di atas, maka adalah dicadangkan di sini supaya Pejabat Ketua Pengarah Insuran ini diletakkan di bawah tugas-tugas Bank Negara. Pentingnya perubahan ini adalah kerana:

- (1) Perusahaan insuran adalah bahagian yang penting di dalam pasaran modal;
- (2) Terdapat banyak persamaan di antara institusi bank dengan syarikat insuran;
- (3) Perusahaan insuran mempunyai peranan yang penting dalam ekonomi negara dan antarabangsa. Oleh itu ia akan lebih berkesan jika diselaraskan oleh Bank Negara;
- (4) Bank Negara mempunyai peranan dan kedudukan yang tinggi dari segi pandangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang keempat, Kerajaan hendaklah menimbang penubuhan Majlis Penasihat Insuran Kebangsaan. Majlis ini akan membantu melicinkan dan meringankan tugas-tugas dan tanggungjawab Pejabat Ketua Pengarah Insuran. Selain dari itu Majlis ini bertugas sebagai pakar rujuk dan penasihat serta menggalakkan daya usaha di bidang ini. Majlis ini juga boleh membantu mendapatkan sokongan industri insuran untuk membangunkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa cadangan-cadangan yang saya kemukakan di atas telah ada di dalam pemikiran Kerajaan, khasnya Pejabat Ketua Pengarah Insuran. Saya juga percaya beberapa langkah telah dimulakan ke arah memperbaiki bidang ini tetapi tujuan saya membangkitkan perkara ini adalah supaya perubahan-perubahan tersebut dapat dilaksanakan dengan segera demi untuk kebaikan industri insuran di negara kita ini, lebih-lebih lagi industri insuran adalah penting dan besar peranannya di dalam pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memperkatakan sedikit berkenaan dengan Dasar Luar negara kita masa ini. Beberapa hari yang lepas dan juga beberapa minggu yang lepas di dalam Dewan yang mulia ini soal "Pandang ke Timur" telah dibincangkan dengan luas dan telah mendapat perhatian ramai. Begitu jugalah baik di dalam mahupun di luar negeri, ramai orang memperkatakan tentang pendekatan baru Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan 2M, malahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendapat perhatian dunia terutamanya semasa ucapan beliau di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini. Pada beberapa hari yang lepas dunia tertumpu pula ke Puncak Ketua-ketua Negara Komanwel Rantau Asia Pasifik dan yang menjadi tumpuan itu ialah ketua negara kita.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu bahagian dari perubahan besar di dalam Dasar Luar negara kita pada masa ini. Dasar Luar kita kalau diperhatikan pada masa ini adalah menumpukan atau memberikan keutamaan pertamanya kepada negara ASEAN, yang kedua kepada negara-negara Islam dan yang ketiga kepada Bangsa-bangsa Bersatu, yang keempatnya kepada negara-negara kecil di dunia ketiga dan Rantau Pasifik dan lima kepada Negara-negara Berkecuali dan seterusnya kepada dasar "Pandang ke Timur".

Dasar "Pandang ke Timur" ini telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Dewan dengan luasnya serta mendapat perhatian dan juga

perbincangan yang hangat baik dari Pembangkang dan juga penyokong Kerajaan. Itulah keutamaan Dasar Luar kita pada masa ini. Itu juga adalah satu perubahan besar berbanding dengan masa yang lalu dan perubahan ini menjadikan Dasar Luar kita telah diletakkan di atas trek dan landasan yang betul. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaan ini.

Pergantungan harapan kepada negara-negara dan kuasa-kuasa besar sudah tidak berapa bermakna lagi. Seringkali tindak-tanduk mereka hanyalah untuk kepentingan mereka sahaja. Negara-negara maju tidak ikhlas untuk membantu kita di dalam usaha menstabilkan harga pasaran bahan-bahan keluaran utama kita, kerana itu telah menyebabkan kesan-kesan yang negatif terhadap imbalan perdagangan kita. Sebagai contohnya, negara Britain salah sebuah negara yang mengasaskan Komanwel telah pula menganggotai, dengan izin, European Economic Community (EEC) pada tahun 1973. Ini menyebabkan pasaran bahan-bahan mentah kita tidak lagi mendapat keutamaan dan dikenakan cukai import yang tinggi. Ini juga telah menjejaskan ekonomi negara yang banyak bergantung kepada hasil eksport bahan-bahan mentah. Seperti juga tindak-tanduk dan permainan negara-negara besar ini telah menyebabkan berlakunya keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang sama-sama telah melanda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh yang lain pula dapat dilihat dalam politik antarabangsa. Apa yang dinamakan "International Terrorism" berleluasa dan berlaku di mana-mana sahaja di dunia ini. Mana-mana negara yang kuat yang banyak senjata dan tenteranya boleh melanggar dan menakluk serta mencabul kedaulatan negara lemah, melakukan kekejaman, penindasan dan keganasan serta pembunuhan tanpa segan silu. Contoh-contoh yang jelas dapat dilihat dari kejadian-kejadian yang berlaku di Afghanistan, di Kampuchea, Vietnam dan Lebanon. Pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin oleh Israel membuktikan dengan jelas bahawa keselamatan penduduk-penduduk di dunia ini pada bila-bila masa

tidak berada dalam selamat. Maka pergantungan, perhubungan dan persahabatan dengan negara-negara besar menjadi tidak selamat jika tidak diseimbangkan dengan persahabatan, persefahaman dengan negara-negara kecil dan lain-lain negara seperti yang disebutkan di atas tadi.

Inilah di antara sebab-sebab yang membawa kepada perubahan Dasar Luar kita. Dasar Luar kita terpaksa berubah demi untuk kepentingan kita dan perubahan-perubahan yang telah dibuat oleh Kerajaan itu patut dipertahankan. Ini terutamanya penting lebih-lebih lagi kepada generasi yang akan datang dan perkara ini perlu dimulakan dari sekarang. Ambil satu contoh, dasar "Pandang ke Timur", di antaranya menekankan sifat-sifat rajin, bekerja, disiplin, menghormati ibu-bapa dan orang-orang tua serta pemimpin, taat kepada agama, bangsa dan negara perlu ditanamkan ke dalam jiwa anak-anak sekolah bermula pada hari ini juga dengan harapan setelah mereka besar nanti, mereka akan menjadi warganegara yang berguna dan bertanggungjawab serta dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang gemilang dan bermaruah. Oleh itu dasar pandang ke timur ini mempunyai pengertian yang sangat mendalam dan satu pandangan yang positif. Maka kata-kata daripada ahli Pembangkang yang membuat contoh-contoh yang tidak baik itu sebenarnya adalah perkara yang diada-adakan sahaja. Banyak contoh yang lain-lain yang baik yang boleh kita ikut tetapi tidak contoh-contoh yang tidak baik.

Selain daripada itu perubahan dasar luar kita pada masa ini juga membawa kepada kepentingan-kepentingan berikut:

- (1) Mewujudkan pertukaran teknologi dan kepakaran yang akan menambahkan produktiviti kepada sektor awam dan juga swasta. Sebagai contohnya pembinaan projek dayabumi yang dijalankan oleh pemborong dari Jepun telah memperkenalkan satu teknologi baru pembinaan yang menggunakan rangka keluli yang tidak

pernah dijalankan di Malaysia ataupun di negara ini malahan hanya dijalankan di Tokyo, Jepun sahaja. Inilah salah satu contohnya perubahan teknologi yang telah kita dapati.

- (2) Dasar ini akan membuka peluang kepada pasaran yang lebih bebas, dengan izin, lebih independent dan boleh mewujudkan pasaran bersama di antara negara-negara pengeluar bahan-bahan utama.
- (3) Memberikan peluang dan kebebasan yang lebih di dalam mendapatkan sumber-sumber modal dan pinjaman serta pelaburan luar yang menguntungkan kita tanpa ada udang di sebalik batu. Untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat dari DAP negara Jepun adalah di antara negara yang telah banyak memberikan pinjaman kepada kita untuk membangunkan negara kita ini.
- (4) Kesedaran yang lebih di antara negara-negara untuk saling bantu membantu antara satu sama lain akan lebih dengan adanya kerjasama-kerjasama serantau dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha yang baik dan positif ini dengan lebih berlipat kali ganda terutamanya mewujudkan perhubungan dengan negara-negara ASEAN, negara-negara Islam, negara-negara dunia ketiga dengan lebih luas, rapat dan lebih bermakna.

Pertukaran filem-filem dan usaha mendalami aspek-aspek kebudayaan di antara negara-negara perlu diperhebatkan. Begitu juga lawatan-lawatan dan pertukaran-pertukaran pelajar antara negara-negara perlu diadakan dalam bentuk yang lebih luas. Untuk menjayakan perubahan-perubahan dasar luar ini, saya mohon izin bagi mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan penubuhan Institut Dasar Luar untuk melatih dan menyebarkan pengetahuan yang berkaitan kepada kakitangan, pegawai-pegawai dan sesiapa sahaja yang terlibat dengan pelaksanaan

Dasar Luar Negara kita yang baru. Ini akan dapat dipercepatkan pelaksanaan dasar-dasar tersebut dengan lancar tanpa apa-apa halangan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh pula dari segi pembangunan wilayah khususnya kepada penerokaan tanah-tanah hutan ataupun kawasan-kawasan baru seperti Rancangan JENGKA, DARA, KETENGAH, KESEDAR, KEJORA dan sebagainya. Pada dasarnya pembangunan wilayah bertujuan untuk menyusun semula masyarakat, meninggikan keluaran negara kasar, pengagihan pendapatan yang lebih saksama, mewujudkan peluang pekerjaan dan mewujudkan peluang perniagaan. Inilah pada dasarnya yang patut ditekankan tetapi terdapat beberapa pelaksanaan yang saya kira tidak menepati dengan dasar-dasar di atas. Sebagai contohnya salah satu pembangunan wilayah di selatan tanahair telah melaksanakan projek pelancungan secara besar-besaran yang saya kira sepatutnya dijalankan oleh Perbadanan Pelancungan. Soalnya apakah ini diertikan kelemahan di dalam perancangan di peringkat nasional ataupun kelemahan pentadbiran di peringkat pembangunan wilayah itu sendiri. Kelemahan perancangan juga jelas kelihatan di mana ada di antara kawasan-kawasan yang strategik seperti sepanjang lebuh raya Segamat/Kuantan tidak terdapat pusat-pusat bandar di dalam konteks pembangunan wilayah. Sepatutnya perancangan mestilah menimbangkan dan memilih tempat-tempat yang strategik dalam melaksanakan pusat-pusat bandar di dalam kawasan pembangunan wilayah ini. Walau bagaimanapun, saya suka mengucap tahniah kepada Kerajaan di atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini oleh institusi pembangunan wilayah seperti KETENGAH dan juga FELDA. Di atas kejayaan ini kita telah disanjung bukan sahaja oleh rakyat negara ini tetapi juga di luar negeri. Kejayaan ini patut dijadikan contoh kepada institusi-institusi pembangunan wilayah yang lain. Begitu juga kerjasama di antara institusi-institusi ini perlu diselaraskan ke tahap yang lebih baik untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang telah dinyatakan tadi.

Sebagai kesimpulan, pada pembangunan wilayah ini saya menyeru kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Kementerian berkenaan mengkaji balik kelemahan-kelemahan di dalam perancangan dan pentadbiran di dalam pembangunan wilayah secara total. Usaha-usaha patutlah dilipat gandakan untuk menambahkan kepakaran teknikal dan kewangan di dalam institusi-institusi pembangunan wilayah dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah membenteng satu Belanjawan yang adil, praktikal dan tidak membebankan rakyat. Maka saya juga mencadangkan supaya strategi Belanjawan Negara 1983 ini diikuti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri semasa pembentangan Belanjawan masing-masing tahun ini. Kerajaan-kerajaan Negeri harus diberi garis panduan supaya dapat mengikut strategi Belanjawan Negara 1983 di zaman kemelesetan ekonomi di negara ini. Saya mohon menyokong usul perbahasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jasin.

4.57 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, Parti DAP bergembira benar di atas kemenangan yang diperolehinya di Kepayang lantas menggelarkannya "Kepayang Declaration". Memanglah sesebuah parti itu boleh berbangga apabila mencapai kemenangan, lebih-lebih lagi jika kemenangan itu besar. Tetapi ke manakah kemenangan itu hendak dibawa oleh DAP kerana tidak ada sedikit jua pun perubahan nasib rakyat yang boleh dibuat oleh parti itu. Dengan ketiadaan sokongan daripada golongan Melayu ura-ura DAP hendak berkuasa dalam negara ini adalah mustahil. Tidakkah DAP berasa malu kerana mengagung-agungkan dirinya sebagai sebuah parti tidak perkauman tetapi hanya mendapat sokongan daripada satu kaum sahaja. Konsep Malaysia tidak layak menjadi simbol DAP jika konsep itu bertujuan untuk faedah semua golongan kerana DAP hanya

memperjuangkan nasib satu kaum sahaja. Sebaliknya Barisan Nasionallah satu-satunya parti yang sebenar-benarnya layak melaungkan slogan itu kerana terbukti ia sebuah parti yang berjuang untuk faedah semua kaum.

Sebelum berakhir kurun ini saya berkeyakinan Malaysia akan berjaya muncul sebagai sebuah negara yang akan termasuk ke dalam golongan negara maju sekiranya Barisan Nasional terus menerus mendapat kepercayaan untuk memerintah negara ini. Hasrat untuk menjadikan Malaysia termasuk ke dalam kumpulan negara maju mestilah menjadi idaman dan cita-cita bagi setiap orang rakyat. Kejayaan ini sudah pasti boleh dicapai jika rakyat mempunyai pandangan dan kesedaran politik yang mendalam dengan membuat pilihan yang betul semasa diberi peluang menubuhkan Kerajaan dari satu masa ke satu masa.

Parti-parti politik bumiputra yang ada di dalam Barisan Nasional di samping memperjuangkan nasib bumiputra adalah juga memperhitungkan nasib orang-orang yang bukan bumiputra. Begitu juga sebaliknya parti-parti politik bukan bumiputra seperti MCA, MIC, Gerakan, PPP dan SUPP memperjuangkan nasib orang-orang Cina dan India, tetapi sebaliknya mereka juga memahami tentang kelemahan bangsa Melayu dalam bidang ekonomi. Walaupun parti-parti politik dalam Barisan Nasional memperjuangkan untuk kepentingan bangsa masing-masing, tetapi adalah konteks untuk menyatu-padukan semua rakyat daripada semua bangsa. Tepat seperti kata pepatah Melayu sambil belayar sambil merapat. Inilah dasar yang sebaiknya yang mesti dipegang oleh semua rakyat di Malaysia jika kita mahu melihat Malaysia masuk ke dalam golongan negara maju. Apakah faedah DAP meneruskan perjuangan semata-mata untuk membawa perpecahan di kalangan rakyat? Jangan sia-siakan masa yang berharga untuk membangunkan negara dengan menimbulkan perselisihan dan keruntuhan. Janganlah memusnahkan nasib masa depan anak-anak cucu kita kerana kita dihanyutkan oleh perasaan tamak mengejar populariti bagi

kepentingan diri semata-mata (*Tepuk*). Saya berharap DAP menyedari perkara ini. Saya menyeru rakyat supaya menolak konsep ini.

Dalam membincangkan Titah Di-Raja minggu lalu wakil dari Rantau Panjang iaitu wakil PAS telah membidas wakil dari Tumpat dari parti Barisan Nasional kononnya wakil Barisan Nasional dari Tumpat itu pernah mencadangkan supaya dihapuskan penggunaan perkataan "Islam" sebagai nama kepada sebuah pertubuhan politik yang ada sekarang iaitu PAS. Seterusnya Wakil Rakyat dari Rantau Panjang mendabik dada menyatakan parti itu tidak sekali-kali gentar atas cadangan tersebut. Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa pun yang gentar parti PAS menggunakan perkataan Islam sebagai nama partinya. Apa yang ditakuti ialah tentang sepak terajang PAS yang telah mencemarkan nama Islam, mengelirukan orang-orang Islam sendiri dan menimbulkan ketakutan kepada orang-orang yang bukan Islam. Islam sebagai satu agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t. sudah pasti merupakan sebuah agama yang suci yang sepatutnya dipandang tinggi oleh penganut-penganut agama yang lain. Tetapi sebaliknya sepak terajang PAS menyebabkan kesucian Islam ternoda kerana ianya berlawanan dengan perjuangan Islam yang sebenarnya. Nyatalah bahawa PAS telah mengecewakan Islam yang sebenar. Perjuangan yang tidak diredhai Tuhan tidak akan mendapat kejayaan.

Berhubung dengan nasib penduduk-penduduk luar bandar memanglah banyak soalan yang boleh disebutkan. Dalam waktu yang pendek ini saya suka menarik perhatian dengan usaha Kementerian Pertanian yang telah menggalakkan rakyat memelihara lembu untuk perahan susu seperti yang terdapat di kawasan pilihanraya saya di Jasim. Pendapatan seorang yang memelihara seekor lembu susu di antara \$200 hingga \$300 sebulan. Jika Kementerian mengambil langkah mengadakan pasaran yang lebih luas tentulah rami lagi rakyat-rakyat negara ini akan mendapat faedah dari perusahaan lembu susu ini. Kanak-kanak sekolah harus diberi minuman susu percuma dari susu lembu yang dikeluarkan sendiri. Orang ramai

juga patut digalakkan dengan mengadakan kempen secara besar-besaran meminum susu lembu. Langkah ini akan memberi faedah kepada kedua-dua pihak iaitu pihak yang berusaha dan juga pihak pengguna. Negara juga akan beruntung kerana dapat mengurangkan import susu ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ASEAN telah ditubuhkan lebih 10 tahun lamanya. Memang ASEAN sebanyak-sedikit telah mendatangkan faedah, terutama dalam bidang politik seperti penyelesaian krisis Kampuchea. Tetapi dalam bidang ekonomi belumlah dapat dilihat lagi kejayaan yang boleh dibanggakan. Kiranya negara-negara ASEAN ingin kepada perubahan ekonomi yang lebih cepat konsep ASEAN hendaklah diperluaskan. Pada fikiran saya ASEAN patut membawa sekurang-kurangnya empat buah negara lain dari Pacific Region iaitu Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand bersama-sama. Pakatan baru ini boleh dinamakan ASEAN—Pacific Region Organization (APRO). Identiti ASEAN patut dikekalkan kerana mungkin timbul perbezaan politik di antara negara-negara ASEAN dengan empat buah negara baru yang saya sebutkan tadi yang mana mungkin ASEAN terpaksa mengambil sikapnya sendiri yang berlainan daripada sikap negara-negara baru ini. Empat buah negara baru yang saya sebutkan tadi ternyata negara maju yang boleh membantu negara-negara ASEAN dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi. Penyertaan negara-negara maju ini sudah pasti akan dapat mempercepatkan lagi pembangunan ekonomi di negara ASEAN. Kita tidak harus membiarkan negara-negara tersebut membolot pasaran lumayan daripada 200 juta rakyat dari penduduk negara-negara ASEAN. Negara-negara ASEAN sendiri sepatutnya mendapat sebahagian daripada keuntungan tersebut. Hanya dengan penyertaan secara langsung negara-negara tersebut sahaja yang boleh mengikat mereka itu.

Walaupun pada masa yang lalu perbincangan-perbincangan memang telah diadakan di antara negara ASEAN dengan negara-negara tersebut tetapi apakah salahnya jika diadakan satu pakatan tetap

yang berkekalan. Ini adalah bertujuan untuk mencapai kemajuan jangka panjang negara-negara di rantau ini. Penyertaan negara-negara komunis tidak timbul kerana saya tidak percaya negara-negara komunis mahu menyertainya. Mereka mempunyai konsep ekonomi dan politik yang tidak secukupnya sekali dengan negara-negara demokrasi yang mengamalkan dasar ekonomi bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut kembali masalah politik dalam negara. Pada masa ini kedapatan masih ada parti-parti politik mengadakan persidangan agungnya secara tertutup. Saya mencadangkan supaya Kerajaan membuat satu peraturan atau undang-undang bahawa persidangan-persidangan agung politik di negara kita mesti dijalankan secara terbuka. Persidangan secara tertutup biasanya melahirkan perkara-perkara perkauman yang tidak sihat. Jika persidangan itu terbuka seperti Persidangan Agung UMNO, orang ramai akan dapat mengikuti perjalanan persidangan itu dengan sepenuhnya, dan para perwakilan yang mengeluarkan buah fikiran terpaksa berhati-hati supaya tidak menimbulkan perasaan perkauman ataupun perkara-perkara yang boleh membahayakan perhubungan kaum dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh nasib penanam-penanam padi, saya suka sebutkan di sini bantuan Kerajaan kepada penanam padi dalam apa juga bentuk yang boleh mendatangkan hasil yang lebih kepada petani-petani adalah dialu-alukan. Tetapi saya menyeru Kerajaan supaya berhati-hati dan meneliti apabila mengeluarkan wang bagi membantu tanaman padi di setengah-setengah tempat yang tidak ekonomik. Kerajaan terpaksa mengeluarkan wang membina taliair dan menjaga taliair tersebut dengan banyak tetapi pengeluaran padi tidak setimpal dengan perbelanjaan Kerajaan.

Dalam kawasan pilihanraya saya setelah dibuat kajian sekalipun petani-petani mendapat bantuan baja percuma daripada Kerajaan, namun hasil yang diperolehi tidak dapat menutup segala perbelanjaan yang digunakan untuk mengerjakan sawah-sawah mereka itu. Kawasan padi yang seperti itu

pada fikiran saya patutlah ditukar dengan segera tanamannya dengan tidak berlengah-lengah lagi supaya rakyat dan Kerajaan tidak menanggung kerugian.

Langkah Kerajaan menjimatkan perbelanjaan adalah dialu-alukan. Saya berharap langkah jimat-cermat ini bukan sahaja dibuat dalam zaman meleset sekarang, tetapi ianya dikekalkan terus menerus. Perbelanjaan-perbelanjaan besar yang biasanya berlaku kerana kenaikan perbelanjaan mengadakan mesyuarat-mesyuarat, perbelanjaan telefon dan juga perbelanjaan keluar negeri. Sekiranya perbelanjaan seperti ini diteliti, mungkin dapat dikurangkan dengan banyak untuk menjimatkan wang negara.

Satu perkara lain yang saya suka hendak sebutkan mengenai penggunaan getah di Malaysia. Pada masa ini Kerajaan masih membawa masuk barang-barang yang dibuat daripada getah dari luar negeri seperti tayar. Barang-barang getah tersebut dibuat daripada getah tiruan yang bercampur dengan getah asli sedangkan getah asli itu bukannya datang dari Malaysia. Lebih kurang \$40 juta harga barang-barang buatan getah tiruan dari luar negeri yang disebutkan itu dibawa masuk tiap-tiap tahun ke Malaysia. Sekiranya barang-barang getah termasuk tayar yang disebutkan tadi dibuat di Malaysia, bermakna 1.4 juta kilo getah asli Malaysia bertambah kegunaannya dan untuk memprosesnya sudah pasti memberi tambahan pekerjaan kepada rakyat. Langkah ini juga akan memberikan keuntungan yang besar terutama sekali kepada small holders atau pekebun-pekebun kecil yang sekarang ini sedang menghadapi kejatuhan harga getah. Kerajaan patutlah menimbangkan untuk menaikkan duti barang-barang buatan getah yang dibawa masuk ke negeri ini kerana barang-barang tersebut tidak pernah dinaikkan dutinya semenjak tahun 1967 lagi. Dengan jalan demikian, penggunaan getah asli keluaran Malaysia akan menjadi bertambah besar yang mana sesuai dengan dasar Kerajaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita menghadapi zaman meleset, saya suka menyentuh soal belia-belai di tanahair kita

dan Kerajaan kekurangan wang tetapi bantuan untuk belia-belia tidak harus dilupakan langsung. Belia-belia berkehendakan pelajaran dan pekerjaan. Kedua-dua ini adalah sentiasa diambil berat oleh Kerajaan kita tetapi ini tidak memadai. Aktiviti-aktiviti sukan adalah juga satu-satunya perkara yang penting dalam penghidupan rakyat terutama sekali belia-belia. Misalnya, bagaimanakah belia-belia dapat menggunakan masa rehat mereka sama ada yang duduk di dalam bandar ataupun di luar bandar. Aktiviti-aktiviti sukan adalah perkara yang paling sesuai bagi belia-belia mengisi masa lapang daripada mereka melakukan sesuatu yang tidak diingini. Sukan bukan sahaja melahirkan rakyat yang sihat, tetapi juga dapat memupuk semangat kerjasama dan semangat cinta kepada negara. Selama ini slogan yang menyatakan Sukan Untuk Sukan telah berubah kepada Sukan Untuk Negara.

Di Malaysia tidak dinafikan Kerajaan sedikit sebanyak ada membuat peruntukan atas perkara tersebut tetapi pada fikiran saya sangatlah tidak memadai dan ini tidak bererti Kerajaan dikehendaki mengeluarkan semua perbelanjaan. Kerajaan patutlah memberikan galakan atau separuh bantuan dan rakyat sendiri terutama pihak swasta mestilah juga memainkan peranan untuk kemajuan sukan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mencadangkan supaya perbelanjaan pertahanan dikurangkan ataupun ditanggihkan. Malaysia sebagai sebuah negara merdeka, yang kaya-raya sudah pasti menghadapi ancaman daripada luar negeri. Dengan sebab itu pertahanan negara ini mestilah kukuh pada setiap masa. Pertahanan dan perkembangan ekonomi mestilah seimbang. Jika pertahanan kita kuat tetapi ekonomi kita lemah tidak akan dapat menjamin keselamatan negara dan begitu juga sebaliknya negara akan menghadapi bahaya sekalipun kita kaya-raya sekiranya pertahanan kita lemah. Pasukan Keselamatan perlu diberikan senjata-senjata moden supaya menambahkan semangat mereka untuk berjuang. Senjata-senjata baru

yang moden sudah pasti berkehendakan perbelanjaan yang banyak dan ini tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini pemimpin-pemimpin Indonesia telah menolak cadangan Perdana Menteri Singapura supaya diadakan latihan bersama ketenteraan di antara lima buah negara ASEAN. Kedua-dua pemimpin Singapura dan Indonesia itu masing-masing mempunyai alasan yang menasabah. Perdana Menteri Singapura berkehendakan latihan bersama ketenteraan diadakan untuk membiasakan tentera-tentera bagi lima buah negara bekerjasama. Penolakan pemimpin Indonesia pula adalah beralasan walaupun latihan bersama itu bukannya military pact ataupun perjanjian pertahanan, boleh disalahertikan oleh setengah-setengah negeri yang menganggap itu sebagai pakatan tentera.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dengan ketiadaan penyertaan Indonesia, saya suka mengesyorkan supaya latihan bersama angkatan tentera patut diadakan di antara tiga buah negara iaitu Malaysia, Thailand dan Singapura. Latihan bersama tentera bagi tiga buah negara ini adalah lebih logik kerana memandang kepada kedudukan Ilmu Alam (Geography) negara-negara tersebut yang bersambung antara satu dengan yang lain dan mempunyai kepentingan bersama untuk mempertahankan kemerdekaan negara masing-masing. Memanglah mana-mana negara juapun boleh membuat tuduhan tetapi apa yang lebih penting bagi kita ialah untuk mempertahankan negara kita sendiri dan kita tidak berniat sama sekali hendak mencerooboh mana-mana negeri pun. Dalil yang sangat terang boleh ditunjukkan sekarang ini di mana Malaysia dengan mudah memberikan kemerdekaan kepada Singapura yang sebelum itu menjadi sebahagian negara ini semata-mata untuk mengekalkan kestabilan-politik di kawasan ini. Inilah dalil menunjukkan bahawa Malaysia tidak mempunyai niat untuk mencerooboh orang lain, bahkan sebaliknya memberikan kemerdekaan kepada sebahagian daripada negaranya untuk mengelakan perselisihan

yang saya sebutkan. Ini bermakna Malaysia tidak sama sekali mempunyai dasar memperluaskan daerah (expansionism).

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan cuba mengurangkan pengeluaran getah dan ini telah dibuat satu ketika dahulu apabila harga getah jatuh dengan rendahnya. Begitu juga dengan kedudukan harga getah yang sedang merosot pada hari ini. Saya mencadangkan supaya pekebun-pekebun kecil digalakkan menanam semula dengan memberi satu insentif baru kepada mereka. Mereka yang menanam semula getah hendaklah diberikan wang pinjaman untuk saraan hidup mereka selama empat tahun hingga pokok getah baru mereka mendatangkan hasil, seperti bantuan yang diberikan kepada peneroka FELDA. Jika Kerajaan memberikan bantuan kepada peneroka FELDA sambil menunggu hasil daripada pengeluaran pokok getah mereka, maka tidak ada sebab langkah yang demikian tidak boleh digunakan untuk membantu pekebun-pekebun kecil. Dengan bantuan yang seperti itu akan memberi galakan kepada pekebun-pekebun kecil menebang pokok getah tua dan ini akan tercapailah maksud Kerajaan hendak mengurangkan pengeluaran hasil getah disebabkan harga yang sangat merosot sekarang ini. Pekebun-pekebun kecil selama ini enggan menanam getah semula kerana mata pencarian mereka akan hilang langsung tatkala menunggu getah baru mereka mendatangkan hasil. Keenganan mereka menanam semula bukan sahaja merugikan mereka sendiri tetapi juga merugikan Kerajaan. Cadangan baru ini saya yakin akan menarik minat pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Budget 1983 dikemukakan, banyak kepujian yang diberikan kepada Kerajaan. Saya hanya mendengar sungutan yang dikeluarkan oleh setengah pihak ialah mengenai cukai kenaikan yang disebutkan oleh Menteri Kewangan iaitu cukai kenderaan yang dipunyai oleh syarikat adalah didapati terlalu tinggi. Saya bimbang cukai ini akan menjadi beban yang sangat berat kepada syarikat-syarikat kecil yang baru muncul, terutama sekali syarikat-syarikat bumiputra. Saya berharap pihak Kerajaan akan

menimbangkan semula dan jika boleh cukai ini dikenakan separuh daripada apa yang dicadangkan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh masalah cukai pendapatan. Sungguhpun cukai pendapatan bagi orang-orang perseorangan tidak berubah bagi tahun 1983 tetapi negara kita telah mengalami kadar inflasi sebanyak 6.5% di dalam tahun 1982. Ini bermakna setiap satu ringgit pendapatan yang dibelanjakan oleh rakyat iaitu pendapatan kasar setelah ditolak cukai pendapatan setahun yang lalu sekarang ini hanyalah bernilai 93.5 sen di hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara tidak langsung kadar inflasi ini adalah satu tambahan cukai yang tidak disedari yang telah dibebankan ke atas rakyat. Memang tidak dinafikan bahawa setiap individu yang bekerja ada mendapat kenaikan gaji tahunan sebagai ganjaran bagi perkhidmatan mereka untuk mengimbangkan semula kedudukan nilai pendapatan mereka yang dibelanjakan itu daripada beban inflasi, tetapi peratus pekerja-pekerja di negara ini yang mendapat kenaikan gaji yang bersamaan ataupun lebih daripada kadar inflasi itu adalah kecil sahaja. Dengan itu secara keseluruhannya langkah Kerajaan yang hanya mengekalkan kadar cukai pendapatan seperti sekarang ini telah merendahkan lagi taraf hidup rakyat di negara ini. Bagi individu yang bergaji tinggi pula walaupun kebanyakannya mendapat kenaikan gaji tahunan yang tinggi sehingga melebihi kadar inflasi, sistem cukai pendapatan yang makin meningkat dengan bertambahnya pendapatan yang ada sekarang tidak memberikan insentif kepada mereka untuk bekerja dengan lebih kuat untuk mendapat pendapatan yang lebih, kerana dengan bertambahnya pendapatan mereka maka besar kemungkinannya akan meletakkan kedudukan cukai pendapatan mereka ke satu breket cukai pendapatan yang lebih tinggi. Secara otomatis hasrat individu dari golongan ini untuk menambahkan pendapatan mereka setelah mendapat pendapatan yang selesa akan menjadi semakin tipis dan merosot. Secara langsung ini telah mengakibatkan kerugian kepada negara dari aspek penggunaan kemampuan produktif setiap

individu, terutamanya bagi mereka yang bertaraf professional yang mana memang sangat-sangat diperlukan untuk digunakan dengan sepenuhnya bagi tujuan membangunkan negara. Sistem mengenakan kadar cukai pendapatan yang meningkat dengan bertambahnya pendapatan seseorang yang ada sekarang juga mempunyai kesan-kesan yang negatif terhadap hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan perniagaan besar di dalam sektor swasta di samping mengurangkan insentif para pekerja untuk menambahkan pendapatan mereka seperti yang telah diterangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerap didapati bahawa individu-individu yang berkebolehan iktisas yang berpendapatan tergolong di dalam breket yang dikenakan cukai sebanyak 40% ke atas dari pendapatan mereka meninggalkan pekerjaan mereka untuk membuka perniagaan sendiri kerana alasan potongan cukai pendapatan. Sungguhpun dengan tindakan itu mereka telah menambahkan bilangan ahli-ahli perniagaan tetapi tidaklah begitu menguntungkan negara yang bertambah hanyalah peniaga-peniaga kecil sahaja perkembangan dan pertumbuhan peniaga-peniaga besar yang mana lebih ekonomikal dan produktif di dalam konteks ekonomi negara telah terbantut dari akibat kekurangan tenaga mahir.

Untuk mencapai hasrat Kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan di sektor swasta, sokongan seharusnya juga diberikan untuk membekalkan tenaga iktisas secukupnya kepada badan-badan perniagaan besar untuk terus berkembang. Salah satu caranya adalah dengan memberikan insentif kepada professional supaya bekerja dengan majikan dengan mengurangkan cukai pendapatan mereka itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

5.26 ptg.

Tuan Yeoh Poh San (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong anggaran Belanjawan bagi tahun 1983 yang

dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari Jumaat 22hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita membuat sedikit komentar di atas Belanjawan itu dan juga di atas sedikit perkara bersangkutan dengan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Tahun 1983 adalah pada amnya merupakan satu Belanjawan yang berorientasikan eksport yang bermakna bahawa ekonomi kita yang berorientasikan eksport akan menjadi lebih orientasi eksport dari hasil Belanjawan 1983 ini. Kecenderungan kepada orientasi eksport ini dapat dilihat di antara lain dalam memperbaiki kegiatan eksport, pembebasan eksport ke atas sebahagian pengeluaran dengan menghapuskan lesen dan cukai eksport serta galakan menganjurkan penubuhan syarikat-syarikat perdagangan secara besar-besaran di kalangan swasta dengan mencontohi "sogoshosha" dari Jepun yang mempunyai banyak pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak ada kesalahan ekonomi orientasi eksport tetapi ia hendaklah mempunyai imbalan di mana ekonomi merupakan lebih cenderung kepada orientasi eksport maka lebih mudah ekonomi itu turun naik mengikut keadaan ekonomi dunia dan dengan itu sekiranya kemelesetan ekonomi dunia bertambah buruk maka ekonomi negara kita juga akan bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan Belanjawan Tahun 1983 ini perseimbangan dapat dicapai dengan menambahkan dan menggalakkan lagi kemajuan pasaran dalam negara bagi sektor persendirian masih banyak lagi modal tempatan yang boleh kita perolehi dalam negara ini di mana Kerajaan boleh menyalurkannya sebagai satu cara untuk mengatasi kemelesetan ekonomi yang sedang kita hadapi dan juga untuk menjadikan ekonomi kita kurang "export orientated".

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memberhenti dan mengurangkan kegiatan spekulasi penanaman modal tempatan seperti spekulasi hartabenda. Kita mesti mencari modal tempatan yang boleh diperolehi

supaya kita boleh stimulate kegiatan produktif bagi membanyakkan lagi peluang pekerjaan dapat diadakan dalam negara. Ini hanya akan dapat dicapai melalui dengan dasar ekonomi yang lebih liberal dan mengkaji semula sebahagian daripada dasar ekonomi kita masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan cukai jualan dari 5% kepada 10% dalam Belanjawan tahun 1983 akan membawa akibat secara langsung atau tidak langsung kepada seluruh rakyat dalam bandar.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tetapi Belanjawan tahun 1983 nampaknya telah melupakan kesusahan penduduk bandar yang miskin seperti terbukti kurangnya kegiatan bandar dalam Belanjawan tahun 1983 ini. Kemiskinan tidak mengenal apa-apa halangan dan ia berada di mana-mana sahaja sekalipun dalam kawasan bandar; kawasan Jalan Kelang Lama dan sebahagian daripada Pekan Lama Petaling Jaya adalah contoh kemiskinan yang wujud dalam kawasan bandar. Saya minta supaya Kerajaan mengambil langkah yang positif untuk menambah lagi pembangunan dan kegiatan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1983 telah memberi perhatian yang berat kepada pembangunan pertanian terutama sekali pembukaan tanah. Ini adalah satu tindakan pandang jauh, tetapi dalam melaksanakan pembangunan pertanian kita tidak semestinya mengimbangkan soal ekonomi sahaja, tetapi mestilah juga memikirkan soal ekologi dan nilai alam sekitar seperti menentukan sempadan taman-taman negara dan kontrol alam sekitar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sambil kita berbincang dalam perkara penjagaan alam sekitar saya ingin mengingatkan Kerajaan bahawa beribu-ribu kematian telah berlaku dalam dunia setiap tahun disebabkan pencemaran udara dan air beracun. Kerajaan mesti mengambil langkah untuk menjaga kesihatan rakyat negara ini sebelum

terlambat dengan mengambil tindakan tegas dan berkesan seperti mengadakan satu Standard Malaysia yang praktik bagi menentukan, dengan izin, ambient air quality dari segi paras carbon monoxide, sulphur dioxide, oxide of nitrogen, lead dan logam particulate, berdasarkan kepada syor Pertubuhan Kesihatan Dunia atau, dengan izin, World Health Organisation.

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan duti import ke atas bahan makanan ternakan bagi industri makanan ternakan sepatutnya mengurangkan harga makanan yang berzat seperti telur ayam dan daging. Saya minta Kerajaan supaya menentukan bahawa industri makanan ternakan menurunkan harga makanan yang dimaksudkan supaya faedah ini dapat dirasai bersama oleh pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan tahun 1983 peruntukan sebanyak \$1,166 jutta telah diuntukkan kepada pelajaran. Ini menunjukkan betapa pentingnya perhatian Kerajaan terhadap pelajaran. Semenjak merdeka Kerajaan telah mendirikan sekolah rendah dan menengah dengan pesatnya dalam usaha menghapuskan buta huruf sedang sekolah-sekolah ini dibina dengan banyaknya. Saya harap Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian berat untuk mengawasi kesemua sekolah-sekolah ini sama ada Sekolah Kebangsaan mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan. Selain dari pengawasan ini Kementerian Pelajaran mestilah mengetahui apa yang berlaku di tiap-tiap sekolah dalam negara ini.

Dalam bulan Julai, 1981 Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Pelajaran telah mengetahui bahawa satu cadangan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk mengambil 23,021 kaki persegi tanah padang permainan Sekolah Rendah Lelaki Bukit Bintang di Petaling Jaya untuk digunakan sebagai jalan keluar masuk ke Lot 159 Seksyen 8, Petaling Jaya supaya membolehkan pemilik tanah Lot 159 memajukan tanah mereka untuk mendirikan bangunan tinggi. Kementerian Pelajaran tidak mengemukakan apa-apa

bantahan dan Kementerian Pelajaran juga tidak mengambil apa-apa langkah untuk menghalang pengambilan tanah yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan November, 1981 satu syarikat pemaju perumahan telah membina sebuah kolam tangki najis yang besar di sebelah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Yak Chee di Bukit Kuchai, Petaling. Dengan pembinaan kolam tangki najis itu bukan sahaja sekolah tersebut kehilangan gelanggang bola keranjang dan gelanggang badminton serta kantin, tetapi keselamatan sekolah tersebut dan murid-muridnya dalam keadaan bahaya. Saya telah difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran sama sekali tidak mengetahui apa yang telah dilakukan oleh syarikat pemaju perumahan tersebut sehingga bulan Ogos tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran mestilah menentukan bahawa peristiwa-peristiwa seperti ini tidak akan berulang lagi di masa akan datang dan ini hanya dapat dilaksanakan sekiranya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berat atas pengawasan terhadap semua sekolah dalam negara ini baik Sekolah Kebangsaan mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran atas jaminan mereka untuk menyelesaikan masalah Sekolah Rendah Lelaki, Bukit Bintang dan masalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Yak Chee dengan menjaga kepentingan orang ramai, murid sekolah dan sekolah-sekolah yang berkenaan. Saya yakin bahawa masalah-masalah ini akan selesai dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, setelah pengumuman oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun 1974 berkenaan dengan demokrasi milik rumah, soal rumah terutama sekali rumah harga rendah bukan lagi satu projek kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, ia telah menjadi satu tanggungjawab Kerajaan untuk mengadakan rumah kediaman yang sempurna untuk rakyat. Ini adalah tugas yang patut diberi penghargaan yang mana tanggungjawab serupa ini dapat mencerminkan ketabahan serta keazaman Kerajaan dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat. Tuan Yang di-Pertua, sikap Kerajaan yang positif serta perhatian yang berat untuk mengadakan perumahan yang cukup dapat dilihat dengan nyata di mana Kerajaan telah menguntukkan sebanyak \$627 juta bagi rancangan perumahan Kerajaan dalam Belanjawan 1983 di mana \$454 juta, dari jumlah ini diuntukkan bagi rumah-rumah harga murah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersungguh-sungguh melancarkan rancangan untuk membina 923,300 buah rumah dalam Rancangan Malaysia Keempat. Angka ini adalah dua kali ganda dari angka pengeluaran rumah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kerajaan bercadang akan membina sejumlah 176,500 buah rumah-rumah harga murah. Angka ini termasuk 54,490 buah rumah harga murah yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan juga telah menganggarkan yang pihak swasta akan membina sejumlah 90,000 buah rumah harga murah melalui dasar Kerajaan tentang rumah harga murah. Ini bermakna sejumlah 266,500 buah rumah harga murah akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha Kerajaan dalam soal perumahan ini maka didapati banyak lagi rakyat yang sedang kehausan untuk memiliki rumah sendiri yang mana rumah untuk rakyat masih berkurangan. Beribu-ribu rakyat yang ingin memiliki rumah sendiri tetapi malangnya mereka gagal untuk mendapatkannya. Dengan itu rakyat telah tertanya-tanya tentang usaha Kerajaan dalam soal perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya bermacam-macam masalah serta kejadian telah berlaku yang telah menimbulkan rasa curiga terhadap Kerajaan atas pelaksanaan

perumahan. Saya ingin menarik perhatian ke atas salah satu kejadian yang telah berlaku di Bukit Kuchai, Petaling, awal tahun ini di mana lebih kurang 10,000 orang telah terlibat dalam satu rempohan untuk mendapatkan borang permohonan bagi rumah harga dan sederhana murah yang berjumlah 312 buah. Banyak dari mereka ini telah bermalam di tapak pejabat perumahan itu dan pergaduhan juga telah berlaku di mana pihak polis telah dipanggil untuk mententeramkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu faktor biasa ialah adanya spekulasi dan orang-orang kaya yang telah mempunyai rumah juga membuat permohonan untuk mendapatkan rumah-rumah murah ini dan kadangkala mereka berjaya mendapatkannya yang mana menyebabkan orang-orang yang berhak dan memerlukan rumah-rumah murah ini gagal mendapatkannya. Tuan Yang di-Pertua, langkah mestilah diambil untuk menentukan supaya rakyat dapat menikmati manafaat dari dasar perumahan Kerajaan. Kita mesti mengakui bahawa kita mesti memperbaiki lagi cara peruntukan rumah kepada rakyat. Sudah samapi masanya bagi kita mengkaji kesilapan dan kelemahan yang telah lalu dan mencari jalan untuk mengatasinya sebelum perkara ini menjadi masalah yang sukar untuk diatasi. Saya syorkan bahawa Kerajaan mengadakan satu sistem pendaftaran perumahan negara. Sistem pendaftaran perumahan negara ini adalah bertujuan untuk mendaftar semua warganegara, tidak pilih bangsa yang benar-benar berhak layak dan memerlukan rumah-rumah harga murah dan harga sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendaftaran perumahan negara ini adalah untuk faedah rakyat miskin dan yang berpendapatan rendah. Sistem ini akan menunjukkan, mengawal dan menentukan peruntukan rumah-rumah yang berharga di bawah \$100,000 sama ada rumah-rumah serupa ini dibina oleh Kerajaan, agensi Kerajaan, Perbadanan Kemajuan Negeri ataupun pihak swasta. Peruntukan rumah-rumah ini akan dntukkan kepada orang-orang yang telah mendaftar di bawah sistem ini atas dasar mengikut giliran masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendaftaran perumahan ini akan dikenakan kepada semua rancangan perumahan dalam negara ini. Di bawah sistem ini borang pendaftaran hendaklah diambil kembali, maklumat-maklumat yang diperolehi dianalisa, disimpan dan kemudian dikumpulkan dalam kumpulan negeri atau daerah masing-masing untuk menentukan peruntukan rumah-rumah kepada pemohon yang berdaftar di bawah sistem ini mengikut taraf pemohon masing-masing dapat dilaksanakan dengan licin dan adil.

Di bawah sistem ini harga jualan balik bagi rumah-rumah yang berharga \$100,000 ke bawah mestilah dikawal dan ditentukan oleh Kerajaan dari satu masa ke satu masa supaya rumah-rumah itu tidak akan dispekulasikan. Sekiranya seorang telah diperuntukkan rumah di bawah sistem ini membeli rumah harga tinggi di belakang hari, orang ini hendaklah menjualkan rumah yang diperuntukkan kepadanya di bawah sistem ini kepada orang yang telah mendaftar di bawah sistem ini dengan harga yang akan ditentukan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sistem seperti ini diharap akan mencapai perkara berikut:

- (1) Penduduk miskin dan yang berpendapatan rendah dapat mencapai cita-cita mereka untuk memiliki rumah sendiri.
- (2) Hanya orang-orang yang layak sahaja akan diperuntukkan rumah.
- (3) Spekulasi atas rumah berharga \$100,000 ke bawah dapat dihapuskan.
- (4) Mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan, misalnya, dua buah rumah diuntukkan kepada seorang atau menguntukkan rumah kepada orang yang telah mempunyai rumah ataupun orang yang mampu membeli rumah harga tinggi.
- (5) Mengelakkan daripada berlakunya rasuah dan juga menghapuskan peluang bagi orang-orang yang tidak bertanggungjawab daripada memungut

wang kopi (under the counter money) daripada pemohon-pemohon rumah yang berharga \$100,000 ke bawah.

- (6) Mengelakkan daripada bukan warganegara Malaysia memiliki rumah kos \$100,000 ke bawah; dan
- (7) Sistem ini akan menentukan bahawa apabila rumah-rumah yang telah dibina dan bakal diperuntukkan oleh Kerajaan tidak akan terbiar sebagaimana yang berlaku pada masa ini kerana menunggu peruntukan oleh Kerajaan. Ini akan menentukan pembinaan rumah-rumah harga kos \$100,000 ke bawah akan dapat dicepatkan, terutama sekali oleh pihak swasta.

Dengan itu, saya menyokong Anggaran Belanjawan Tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.48 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong kuat di atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan, pada 22hb Oktober, 1982.

Perbelanjaan bagi tahun 1983 terpaksa dihadkan untuk menjamin supaya perbelanjaan tidak melebihi keupayaan negara kita. Di samping mengekalkan kestabilan negara, sejumlah \$28,749 juta diperuntukkan bagi perbelanjaan tahun 1983. Dari jumlah ini sebanyak \$17,079 juta atau 59.4% adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dan \$11,670 juta atau 40.6% untuk Perbelanjaan Pembangunan. Sebanyak \$1,819 juta atau 10.7% daripada Perbelanjaan Mengurus adalah disediakan untuk perkhidmatan ekonomi dan \$4,472 juta atau 26.2% disediakan untuk Perkhidmatan Sosial. Sebanyak \$4,955 juta atau lebih kurang 29% adalah untuk tanggungan tertentu seperti bayaran pencen dan hutang negara. Keselamatan dan pertahanan pula akan diperuntukkan sebanyak \$2,994 juta

ataupun 17.5% daripada perbelanjaan Mengurus. Dalam Perbelanjaan Pembangunan, Kerajaan Barisan Nasional akan terus memberi keutamaan tinggi kepada sektor ekonomi, termasuklah peruntukan yang besar kepada pertanian, pembangunan tanah, parit dan taliair. Lebih separuh daripada Perbelanjaan Pembangunan iaitu sebanyak \$6,086 juta atau 52% adalah disediakan untuk sektor ekonomi.

Satu lagi sektor yang tidak kurang pentingnya ialah sektor sosial. Sebanyak \$2,522 juta atau 21.6% dari jumlah perbelanjaan Pembangunan akan disediakan bagi sektor ini yang merangkumi pelajaran dan kesihatan. Peruntukan pelajaran dan kesihatan pada tahun ini bertambah jika dibandingkan dengan peruntukan Pembangunan tahun 1982 dahulu, ini bermakna peruntukan Kerajaan Barisan Nasional di sektor ekonomi dan sosial berjumlah \$8,608 juta ataupun 73.6%. Ini jelas membuktikan betapa seriusnya Kerajaan Barisan Nasional memberikan perhatian yang saksama kepada rakyat yang memilih Kerajaan Barisan Nasional. Banyak rakyat anggap perbelanjaan tahun 1983 adalah tegas dan berani, terutama di kalangan rakyat berpendapatan rendah.

Lagi satu sebagai contohnya, pengusaha-pengusaha bank mengalu-alukan perbelanjaan tahun 1983 sebagai satu dokumen berani yang menampakkan arah yang terang dan jelas sejajar dengan kehendak Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan 2M yang berjanjian Kerajaan bersih, cekap dan amanah, bukannya bersih, licin, amanah seperti dikatakan berkali-kali oleh Wakil DAP dari Kota Melaka dalam Dewan ini. Pihak bank bersetuju dan akan bertindak balas dengan mengurangkan kadar faedah atas pinjaman untuk sektor-sektor yang produktif dan sistem kemudahan kewangan yang baru dan yang lebih menarik juga akan dihasilkan untuk membantu usaha Kerajaan meningkatkan lagi taraf hidup rakyat. Dapat tahu banyak pengusaha-pengusaha bank gembira mendapat tahu yang Kerajaan

Barisan Nasional telah melancarkan dasar-dasar kewangan yang dirancang begitu rapi dan berdisiplin lagi kemas seperti yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang bersemangat begitu gih semasa membentangkan Belanjawan 1983 dalam Dewan yang mulia ini. Dalam jangka panjangnya dasar-dasar ini jelas menunjukkan Kerajaan akan menentukan pemulihan semula kedudukan ekonomi negara kita.

Belanjawan Negara kali ini sungguh memerangsangkan pertumbuhan. Memandang hasil negara berkurangan, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan berkata, "Kerajaan akan mengukur baju di badan sendiri dalam perbelanjaannya tahun hadapan". Di masa yang sama katanya, "Kerajaan terpaksa juga menyemak semula struktur ke atas beberapa jenis barangan dan perkhidmatan tetapi dalam membuat demikian kepentingan rakyat umum jelas diambil berat dan dilindungi."

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang sedang dirancang dan dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional begitu berkesan dan efektif kepada rakyat jelata sehingga terkagumnya rakyat umum yang menyebabkan sehari selepas itu banyak pemimpin-pemimpin PAS terpaksa jawatan-jawatan penting seperti Presiden, Setiausaha Agong dan Bendahari Agong dan mungkin banyak lagi pemimpin-pemimpin PAS akan keluar sedikit hari lagi sebab mereka inilah orangnya yang menghidupkan PAS dan membuat huru-hara di kawasan pendalaman seperti pulau-mulau, kafir-mengkafir dan munculnya pula dua Imam bersembahyang Jumaat di Trengganu seperti diketahui oleh umum dalam keluaran TV beberapa kali tempoh hari. Nampaknya dalam PAS sekarang ini ada dua kumpulan manusia yang suka hendak menyesatkan umat Islam dan yang satu lagi adalah golongan fanatik dan tidak bertanggungjawab untuk kepentingan rakyat yang kasih keamanan dan kemakmuran. Punca masyarakat Islam berpecah-belah dalam negara Malaysia adalah kerana tindakan dan perangai dibuat dan ditunjukkan oleh pemimpin-pemimpin dan pengikut-pengikut PAS selama ini.

Bekas Presiden PAS merayu dan meminta Kerajaan Barisan Nasional siasat dengan jujur atas kejadian ini sebelum beliau berundur diri dari memimpin PAS. Parti Islam Se Malaysia (PAS) menggesa Kerajaan kita yang selama ini mempraktikkan kesucian Islam mengikut Perlembagaan Negara yang akui Islam adalah agama rasmi negara. Beliau meminta Kerajaan supaya menyasat dengan teliti akan punca-punca pertelagahan yang memecahbelahkan masyarakat Islam di negara ini seperti kafir-mengkafir, pulau-memulau, sembahyang guna dua Imam dan lain-lain pertelagahan sesama rakyat bangsa Melayu beragama Islam, terutama sekali di kawasan pendalaman di negeri Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. Ini adalah satu gejala yang tidak sihat yang dapat menghancurkan masyarakat dan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Beliau menyeru supaya kita membawa masyarakat Islam kembali semula kepada status kesucian Islam. Beliau kata bahawa PAS tidak pernah keluar petua kafir-mengkafir orang tetapi 99% orang-orang PAS, termasuk pemimpin-pemimpin PAS di kampung di kawasan pendalaman dalam negara ini praktikkan mengkafirkan orang.

Saya percaya beliau sedar perkara ini betul berlaku dan sebab itulah beliau terus tidak sanggup memimpin PAS lagi mulai daripada 23-10-1982. Saya ucapkan syabas dan sekalung bunga dihulurkan kepadanya kerana tidak lagi memimpin PAS. Saya syukur kepada Allah subhanahuwataala bukan beliau sahaja berhenti sebagai Presiden PAS, Setiausaha Agong PAS—Yang Berhormat dari Kota Setar dan Bendahari Agong PAS—Yang Berhormat dari Rantau Panjang letak jawatan bersama Presidennya, mungkin lebih ramai lagi pemimpin-pemimpin PAS akan keluar. Mereka keluar kerana tidak yakin dan tidak percaya kepada perjuangan PAS. Adakah mereka hendak jadi Bebas di sini? Saya shorkan lebih baik masukkan di sebelah Barisan Nasional yang selama ini disanjung tinggi di seluruh dunia Islam.

Kerajaan Barisan Nasional akan wujudkan Universiti Islam tahun 1983 dan Bank Islam jika diluluskan oleh Dewan Rakyat. Negeri

Kedah menjadi idaman PAS hendak memerintah semenjak PAS ditubuhkan dahulu tetapi idaman PAS itu hanya mimpi kosong sahaja sebab dalam pilihanraya tahun 1969 mereka hanya dapat 7 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 2 kerusi Dewan Rakyat, tetapi kerana sikap mereka tidak bertanggungjawab maka di negeri Kedah dalam pilihanraya yang lepas rakyat telah memutuskan dengan majority kemenangan kepada Barisan Nasional dan PAS hanya mampu menawan 2 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 1 kerusi Dewan Rakyat dengan majority yang kecil. Mungkin sekali lagi pilihanraya ketiga-tiga kerusi itu akan dirampas balik oleh Barisan Nasional. Yang Berhormat Wakil Kota Setar mungkin bercadang hendak rujuk masuk semula ke dalam Barisan Nasional sebab beliau banyak dapat rahmat dan nikmat kerana berada di dalam bersama kita dahulu, pencen EXCO dan pencen Timbalan Menteri dan beliau tidak lagi percaya kepada pemimpin-pemimpin PAS. Kalau percaya kepada PAS mengapa dan sebab apa beliau letak jawatan Setiausaha Agung minggu lalu, demikian juga Yang Berhormat dari Rantau Panjang letak jawatan Bendahari. Percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi PAS tidak akan beri can kepada tuan-tuan untuk bertanding lagi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Wakil dari Kepong berkali-kali berpantun di dalam Dewan ini, saya ingin merakamkan satu pantun:

Setiausaha Agung PAS dipangku oleh orang baru,

Orang itu telah dikalah teruk di Ulu Muda;

Pemimpin PAS baru banyak yang haru-biru serta keliru.

Saya merayu ahli PAS tak secucuk dengannya join UMNO sahaja!
(Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah yang luasnya 9,414 kilometer persegi ataupun 948,738 hektar menghadapi masalah pertumbuhan ekonomi yang tidak seimbang dengan penduduk berjumlah 1.2 juta

sekarang ini dan dijangka pada tahun 2000 akan bertambah menjadi sekurang-kurangnya 2 juta orang. Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan Kedah sedang berusaha melaksanakan program-program pembangunan sealiran dengan ini bagi kawasan-kawasan luar MADA. Sistem dan jentera pelaksanaan pembangunan sedang diperkukuhkan dan diperkemas melalui Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di bawah kelolaan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Lagi satu projek pembangunan Pertanian Bersepadu Lembah Kedah ataupun IADP di bawah Kementerian Pertanian.

Di samping penubuhan kawasan perindustrian besar-besaran, Kerajaan Kedah juga sedang mempergiatkan usaha penubuhan kawasan industri besar untuk memperluaskan asas ekonomi dan meningkatkan pendapatan rakyat luar bandar. Beberapa projek perindustrian dilaksanakan oleh KEDA yang berasaskan sumber-sumber tempatan. Kita mempunyai penuh keyakinan program perindustrian KEDA ini akan dapat memberi faedah kepada rakyat negeri Kedah khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, ingin saya merakamkan penghargaan yang tinggi kerana semalam Kementerian ini telah dapat menyelesaikan satu masalah yang dihadapi oleh negeri Kedah begitu lama di antara Kedah dan negeri Pulau Pinang dan dengan pertolongan Menteri yang berkenaan dapatlah satu jawatankuasa ditubuhkan dan Kementerian ini sedang memberi perhatian dan nampaknya masalah perenggan daerah negeri Kedah dan Pulau Pinang itu akan tamat sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan utama ucapan ini ialah mengenai tiga aspek terpenting dalam pembangunan khususnya pembangunan desa di kawasan-kawasan yang paling mundur di Semenanjung Malaysia. Aspek-aspek itu ialah mengenai kemiskinan, kemelesetan dan potensi-potensi pembangunan. Beberapa ciri sosio-ekonomi dan keselamatan akan dibentang disusuli

dengan isu-isu dasar dan strategi-strategi untuk mengatasinya. Di samping itu potensi-potensi pembangunan akan diketengahkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan latar belakang kemiskinan, aspek pertama mengenai kemiskinan desa ialah kesempitan asas ekonomi yang mempengaruhi punca pencarian hidup. Lebih 75% masyarakat luar bandar hidup bertani, 34% daripada mereka ini menampung hidup dengan mengusahakan pertanian campuran yang lazimnya mengerjakan sedikit sawah padi untuk makan sendiri, mempunyai sedikit kebun getah dan boleh menjual sedikit buah-buahan bermusim yang ditanam di sekeliling rumah mereka, 15% pula hidup dengan bertanam padi sebagai sumber terutama dan 23% adalah pekebun kecil getah semata-mata dan 1% dusun semata-mata. Baki 2.7% lagi menampung hidup dengan mengambil upah menoreh getah atau menjadi buruh kasar dan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan sawah padi di kawasan-kawasan desa tidak ditanam dua kali setahun. Di samping kepada air hujan, sawah-sawah padi di sini mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

Tanah—

Kelas dua atau tiga memang diresapi air.

Petak bendang—

Kecil, saiz tidak ekonomik kerana tanah tidak pamah dan memerlukan batas agak rapat.

Bertumpuk-tumpuk—

Kawasan padi tidak menyeluruh, semuanya di lembah dan bersempadankan hutan belukar atau kebun getah terlalu banyak musuh.

Tenaga kerja—

Kebanyakan kerja dibuat oleh keluarga sendiri atau tidak diupah. Penggunaan jentera adalah amat terhad kerana kerja-kerja membajak masih banyak yang

memakai kerbau untuk sementara. Kerja menuai dilaksanakan secara tradisional yakni tanpa mesin, kebun getah juga tidak luas dan puratanya hanya 1.48 hektar untuk satu keluarga.

Ciri utama kebun-kebun getah di kampung-kampung tradisional boleh dikatakan serupa dengan kebun-kebun getah pekebun kecil yang lain iaitu pokok getah tua dan bukan baka terbaik, tidak dijaga rapi iaitu semak, tidak dibajai, penorehan tidak betul—banyak kulit yang rosak, saiz tanah tidak ekonomik. Kesemua faktor-faktor di atas membuatkan hasil susu getah rendah. Hanya beberapa buah kampung sahaja yang menjual susu-susu getah mereka kepada MARDEC, yang lain masih membuat getah keping cara lama yakni dijemur di cahaya matahari atau menjual dalam bentuk getah sekerap.

Ciri yang sama juga terdapat di dusun buah-buahan di samping purata keluaran amat kecil 29.3 hektar. Ini menunjukkan juga jenis tanah terlalu banyak jenis-jenis mungkin bertujuan untuk makan sendiri, tidak mengkhusus kepada satu atau dua jenis tanaman. Keadaan tanah, pokok-pokok kebanyakannya terlalu tua, tidak terjaga, tidak ternampak usaha-usaha mengawal penyakit dan serangan dibuat. Selain dari rambutan, pokok-pokok adalah anak biji belaka. Berasaskan pola ekonomi yang dibentangkan di atas ianya mengakibatkan paras pendapatan yang rendah.

Didapati lebih dari 70% keluarga di bawah paras kemiskinan iaitu \$300 sebulan untuk satu keluarga. Keadaan kemiskinan juga dapat dilihat dari segi mutu penghidupan yang rendah dalam mana hampir 30% dari rumah-rumah bernilai kurang dari \$1,000 dan mereka yang memiliki tapak rumah sendiri hanya 45% sahaja, 55% dari itu menumpang di atas tanah-tanah Kerajaan di pinggir hutan dan menumpang tanah-tanah orang lain.

Masalah kependudukan adalah juga mencemaskan. Didapati sebanyak 45% dari jumlah penduduk berumur 16 tahun ke

bawah. Peratus penghijrahan adalah tinggi dan ini mengakibatkan 79% dari jumlah baki penduduk adalah merupakan tenaga kerja yang tidak aktif.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu keselamatan—di samping isu-isu sosio-ekonomi yang dibangkitkan, keadaan kemiskinan yang serius itu, masalah-masalah yang bersabit dengan keselamatan juga merupakan aspek terpenting. Penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan keselamatan dan di kawasan perbatasan kerap kali menghadapi banyak masalah apabila berlakunya operasi military, punca-punca pencarian mereka terjejas kerana mereka tidak boleh memasuki hutan mencari hasil-hasil hutan seperti buluh dan rotan. Boleh dikatakan seluruh kawasan Ulu Muda adalah kawasan di bawah KASBAN. PORLA menempatkan juga mempengaruhi keadaan ini kerana rumah-rumah adalah bertaburan di pinggir hutan. Keadaan begini sentiasa terdedah kepada pengaruh-pengaruh penganas komunis.

Tuan Yang di-Pertua, potensi-potensi pembangunan isu-isu dasar. Ekonomi masyarakat desa perlu diperbaiki dengan seberapa segera yang boleh. Mereka perlu ditarik keluar dari keadaan ekonomi tani ke sektor ekonomi yang lebih produktif. Untuk berbuat demikian asas ekonomi mereka perlu diperluaskan dan diperbagaikan. Tumpuan aktiviti ekonomi bukanlah hanya ditumpu kepada aktiviti pengeluaran sahaja juga kepada aktiviti-aktiviti pemerosesan perindustrian dan pemasaran. Dengan ini daya pengeluaran dapat ditingkatkan. Kebocoran ekonomi dapat dikurangkan dan lebihan dapat dikekalkan. Daya usaha seperti ini memerlukan kefahaman dan perancangan yang komprehensif, daya profesionalism yang tinggi dan peruntukan yang lebih banyak. Meningkatkan mutu penghidupan perlulah disegerakan. Dalam konteks ini dua perkara mesti dipandang berat, pertama mutu perumahan dan kedua pemilihan tapak-tapak kediaman. Sekiranya dua masalah pokok ini diselesaikan maka mutu penghidupan di kawasan-kawasan desa akan mengalami perubahan. Di dalam perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan sumber manusia perlu diberi prioritas.

Program-program untuk menggunakan tenaga manusia secara lebih cekap dan teratur boleh dipertingkatkan.

Isu keselamatan sebagai komponen utama dalam pembangunan tidak boleh dipandang ringan. Justru itu program-program KESBAN perlu disusun dengan lebih teliti supaya ianya dapat memberi makna yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi pembangunan. Perluasan asas ekonomi desa dilakukan melalui program perindustrian desa. Dalam konteks ini penggunaan sumber-sumber tempatan hendaklah diberi keutamaan. Program-program pembangunan, pertanian seharusnya diorientasikan kepada pembangunan sektor perindustrian. Pembangunan kawasan desa melalui pusat pertumbuhan desa hendaklah digabungkan dengan program perindustrian desa dan dalam konteks ini pembangunan dari bawah seharusnya dijadikan pendekatan pelaksanaan. Kita harap sebanyak 77 buah kampung sedang dikaji oleh KEDA akan memberi kesan yang lebih baik dan berkesan kepada tugas-tugas yang dijalankan oleh KEDA. Dalam meningkatkan mutu penghidupan program pembangunan kampung tradisional, perlu diberi keutamaan. Model pembangunan kampung-kampung tradisional yang menyeluruh mestilah menggabungkan komponen perumahan dan prasarana-prasarana asas.

Dalam program KASBAN dalam daerah Padang Terap, Kubang Pasu, Pendang, Sik, Baling dan Kulim model pembangunan yang berasaskan pembangunan stratigis KASBAN perlulah diperkenalkan. Pembangunan perkampungan ini bukan sahaja dapat membawa pembangunan ke kawasan-kawasan sempadan tetapi juga dapat mengurangkan beban tugas angkatan tentera dalam pertahanan kawasan-kawasan sempadan. Dengan demikian sumber-sumber ketenteraan dapatlah dipergunakan dengan lebih cekap lagi dan oleh kerana asas ekonomi di kawasan-kawasan ini masih akan

lemah walaupun diperluaskan peruntukan yang berbentuk pemberian langsung adalah merupakan langkah yang paling rational.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan desa perlu juga diatasi sekiranya pendekatan yang menyeluruh diambil. Dalam konteks ini agensi-agensi pembangunan Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Kedah (KEDA) seharusnya diberi perhatian yang lebih, model-model pembangunan KEDA seharusnya dijadikan model pembangunan kebangsaan. Dalam jangka masa yang pendek, KEDA telahpun melaksanakan model-model ini. Apa yang diharapkan oleh KEDA ialah penghayatan, kefahaman dan kerjasama dari semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan suasana yang lebih selesa di dalam kawasan-kawasan bandar seperti di Kuala Lumpur dan lain-lain bandar besar seperti Alor Setar, Sungai Petani, Kulim dan lain-lain bandar di seluruh negara Kerajaan Barisan Nasional sedang merancang dan membina taman-taman rekreasi dan juga mengindahkan bandar-bandar dengan menanam pokok-pokok terpilih dan pokok-pokok teduhan dan pokok bunga di semua kawasan pekan-pekan. Sebagai contohnya bandaraya Kuala Lumpur hari ini adalah sungguh berbeza dengan Kuala Lumpur setahun dahulu. Penuh dengan pokok-pokok terpilih dengan perubahan ini baru berlaku apabila Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri kita diberikan tugas menjadi Ketua Kerajaan kita. Syabas diucapkan kerana Kuala Lumpur sudah menjadi "garden city" pada hari ini. Semua rakyat suka melihat keindahan ini.

Pokok kayu teak patut juga digalakkan ditanam di bandar-bandar disebabkan harga sungguh baik selepas ianya berumur 25 ataupun 30 tahun. Diberitakan kayu teak boleh memberi keuntungan lebih \$200,000 seekar.

Kesesakan lalulintas kenderaan di Kuala Lumpur boleh kata hanya diselesaikan dengan adanya jalan-jalan baru dan kawalan yang bertambah baik selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sistem yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu mengubah masa setengah jam dahulu dan sistem punch in dan punch out, dengan izin di pejabat-pejabat banyak orang datang ke pejabat lebih awal daripada dahulu dan ini tidak berlaku lagi kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur. Saya ucap syabas kepada Perdana Menteri kerana membuatkan peranan ini yang memberi kemudahan banyak kepada rakyat di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sungguh bersyukur kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan 2M yang Kerajaan ini akan mewujudkan sebuah universiti Islam antarabangsa dan satu lagi yang maha penting kepada ummat Islam dalam negara ini dan juga ummat Islam seluruh dunia iaitu Bank Islam dan Rang Undang-undang Bank Islam akan dibawa dan dibincangkan dalam Dewan yang mulia ini sedikit hari ini.

Satu Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam telah ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertujuan untuk mengkaji dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai Penubuhan Bank Islam di Malaysia pada akhir bulan Julai, 1981. Syabas diucapkan kepada Jawatankuasa tersebut kerana dalam masa yang begitu singkat ianya telah selesai membuat kajian penubuhan Bank Islam daripada tiga aspek iaitu mengenai ugama, undang-undang dan operasi. Bagi membantu Jawatankuasa ini membuat kajian dalam bidang-bidang ini tiga jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Ugama, Jawatankuasa Undang-undang dan Jawatankuasa Operasi. Diberitakan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan dan Jawatankuasa Teknikal dalam mesyuarat-mesyuaratnya telah mengkaji dengan sungguh teliti aspek-aspek keagamaan, undang-undang dan operasi Bank Islam berasaskan kepada amalan-amalan Bank Islam di luar negara dan juga kajian-kajian yang dibuat sendiri oleh Jawatankuasa-jawatankuasa ini. Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam telahpun selesai membuat kajian dan saya hari ini dengan sukacitanya

mengucapkan syabas kepada Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam dipengerusikan oleh Yang Mulia Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman dan di Urusetiakan oleh Pengarah Besar Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) Tuan Haji Hanafiah bin Ahmad dan lain-lain Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian, bank-bank, universiti-universiti dan agensi-agensi Kerajaan dan juga orang perseorangan yang terlibat dengan kajian penubuhan Bank Islam dalam negara Malaysia di mana agama Islam adalah agama rasmi negara kita. Kita akan bincangkan hal ini dengan lebih lanjut kemudian hari.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan tentang peranan dan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat baik dari Barisan Nasional, Bebas atau Pembangkang setelah diamanahkan oleh rakyat untuk berada di Dewan yang mulia ini. Kerajaan kita mendapat kepercayaan rakyat pada kali ini. Bukanlah berasaskan janji-janji dalam bentuk kebendaan semata-mata, kepercayaan yang diperolehi adalah berasaskan kehendak rakyat terhadap sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Dalam tempoh masa kita memegang amanah ini dan berada di dalam Dewan yang mulia ini rakyat yang memilih kita akan membuat penelitian dan penilaian. Gunakanlah peluang dan kesempatan di dalam Dewan ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat yang kita wakili. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat. Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat bukan tempat kita maki hamun atau cabar mencabar di antara satu sama lain. Di antara Pembangkang mencabar Kerajaan yang dipilih oleh rakyat dengan majoriti yang begitu banyak, janganlah cari publisiti secara mudah dan murah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini saya banyak kali dengar Yang Berhormat dari Kepong membuat gurindam dan pantun-pantun dalam ucapannya. Saya dari penyokong Kerajaan suka mengakhirkan ucapan saya dengan dua pantun sahaja.

Di sebelah Pembangkang ada Bebas, DAP dan PAS

Di Kepayang jelas DAP begitu ganas dan buas

Di Mukhtar PAS ahli-ahli tidak boleh bebas

Empat jawatan penting dalam PAS sudah terlepas.

DAP menang di Kepayang dengan majoriti lebih

Ini disebabkan kerana peratus pengundi keluar tidak boleh

Kalau DAP sangka dia yang bersih dan berjaya

Saya cabar DAP sila datang berjumpa saya di Ulu Muda.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

6.25 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman (Parit Buntar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyertai di dalam membahaskan ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan pada 22hb Oktober, 1982 yang baru lalu.

Saya berpendapat Belanjawan yang dibentangkan itu adalah satu Belanjawan yang mencerminkan betapa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memikirkan rakyat ramai. Belanjawan ini juga bolehlah dianggap sebagai manifestasi seruan Kerajaan kepada mereka yang mampu, berada dan kaya raya agar membantu dan merasai bersama kesulitan dan kesukaran yang dihadapi oleh sebilangan besar penduduk negara ini yang kurang mampu dan kurang berada. Saya katakan begini kerana unsur-unsur cukai yang diperkenalkan ataupun dinaikkan melalui Belanjawan ini adalah melibatkan mereka yang berkemampuan dan hidup mewah sahaja. Dalam konteks ini jelaslah Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bertanggungjawab dan committed kepada golongan yang kurang bernasib baik. Walaupun dunia menghadapi kemelesetan

ekonomi tetapi Kerajaan mampu dengan gagahnya melayari bahtera pemerintahan dengan adil dan saksama. Di dalam hal ini jelaslah ketelitian Belanjawan yang telah pun dibentangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang berdaulat sudah semestinya kita tidak akan sama sekali bergantung dan mengharapkan sangat orang lain membantu dan membaiki ekonomi kita. Di sebaliknya kita sendirilah yang mesti membetulkan arah bahtera kita ke mana yang kita hendak tuju. Bukan sahaja bagi Belanjawan tahun 1983 bahkan Belanjawan yang lalu adalah menasabah. Ini jelas kita tidak lagi pernah mendengar industri ataupun kilang-kilang tempatan ditutup kerana kemelesetan ekonomi. Kita juga tidak pernah mendengar pekerja-pekerja diberhentikan secara beramai-ramai. Ini membuktikan polisi kewangan kita adalah sesuai dengan keadaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh merasa bangga kerana Belanjawan bagi tahun 1983 telah memperuntukkan agak besar juga bagi sektor pertanian pembangunan tanah, parit dan taliair. Di dalam perkara ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang patut diperbetulkan ataupun diperbaiki oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar iaitu petani-petani dan nelayan-nelayan adalah merupakan penduduk negara ini yang masih miskin sedangkan mereka adalah merupakan majoriti dari segi kependudukan. Saya ingin menyentuh sedikit Kementerian Pertanian.

Nelayan-nelayan adalah merupakan sebahagian besar daripada pengundi-pengundi di dalam kawasan pilihanraya saya. Mereka menghadapi berbagai-bagai masalah di antaranya ialah kawasan tangkapan. Kawasan saya itu bersempadan dengan Pulau Pinang dan oleh kerana bentuk pantai maka selalu sahaja nelayan-nelayan dari kawasan saya itu tanpa pengetahuan melanggar kawasan sebelah Pulau Pinang. Ada beberapa faktor yang menimbulkan keadaan seperti ini. Bagi nelayan-nelayan di kawasan

saya mereka dikehendaki keluar lima batu ke tengah laut bagi setengah-setengah pukut. Yang merunsingkan ialah apabila mereka keluar ke laut lebih daripada lima batu dari pantai sebenarnya mereka akan semakin dekat dengan Pulau Pinang. Oleh itu saya berharap Kementerian Pertanian seboleholehnya hendaklah mengadakan satu peruntukkan kawasan bersama ataupun membenarkan kedua-dua kumpulan nelayan dari Pulau Pinang dan kawasan pilihanraya saya bebas menangkap ikan tanpa sekatan sempadan negeri. Lagi pun di laut tidak ada batu sempadan dan tanda-tanda sempadan.

Satu lagi perkara ialah kita sentiasa menggalakkan pembangunan pemikiran untuk mewujudkan sesuatu bentuk teknologi yang lebih baik ataupun yang baru. Bagi nelayan-nelayan di kawasan saya satu perkara yang agak unik mereka tidak dapat mencipta satu tangkapan ikan pukut jenis "Kinka dua bot" tanpa memerlukan nelayan itu turun ke laut dari bot-bot mereka.

Saya berharap oleh kerana teknologi penangkapan secara ini adalah mendatangkan faedah dan pendapatan yang lebih maka Kementerian Pertanian janganlah mengambil tindakan ataupun dasar menyekat nelayan-nelayan ini dari menangkap ikan ataupun cuba mengharamkan pukut jenis ini. Saya sungguh hairan mengapa Jabatan Perikanan ketika nelayan-nelayan membaharui lesen-lesen pukut mereka, mereka dinafikan lesen pukut ini. Sebaliknya mereka hanya diberi lesen pukut lain iaitu pukut hanyut. Keadaan ini bukan sahaja kita telah discourage teknologi yang baik tetapi menimbulkan masalah kerugian kepada nelayan-nelayan kerana alat-alat yang sedia ada tidak dapat digunakan oleh kerana adanya dasar tidak membaharui lesen pukut Kinka oleh pihak Jabatan Perikanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.